A-1-10

Dokumen - dokumen

Spuak Jempol.

SEJARAH JEMPOL

Mengikut cerita daripada orang tua tua yang didapati dari mulut kamulut iaitu dari Allah yarham Datok Penghulu Luak Jempol Abdul Wahab Datok Lela Raja Abdullah, Tok Samad Kuala, Tok Memperang Idris serta Tok Aki saya dan orang2 tua; Mengikut ceritanya sabelom datangnya Datok Marapateh kaNegeri Sembilan ini ada suatu rombongan sembilan beradek atau sembilan bersaudara (bukan adikandong) hanya sahabat setia dikala itu tiada yang pandai membacha dan menulis hanyamenyimpan dalm ingatan sahaja, segala cerita ketiga2 ini sama sahaja lebih kurangnya dan juga katanya dia semua dapat daripada Bati2dan Jenang diSungai Raya Kuala Jelai, katanya puak2 Batin2 ini ialah perpechahan diantara puak luar dengan puak yang lari kehutan semula puak2 ini tetap memakai Batin Jenang, Jukerah mengikut puak masing2.

Mengikut ceritanya Datoku Marapateh datang kasini tidak pula mengislamkan orang2 disini , Asalnya satu rombongan dari Samutra ? Utara iaitu dari banjaran gunung Berapi perkampongan Kerinchi yang dinamakan kumpulan sembilan bersaudara dengan bersama anak buahnya keluar ~~kmrx~~ belayar meninggalkan kampong halamannya kalau luas, belayarlah hingga sampai kamuara sungai muar mereka mudek kahulu sungai untuk menchari tempat hendak membuat kampong halaman, apabila sampai kasuatu tempat iaitu di Merbau Seratus (Pasir Besar) maka turunlah menebang menebas membuat kampong sawah, maka ketua sembilan bersaudara ini memanggil suatu meshuarat membincangkan supaya menchari tempat lagi bagi mereka keputusan mereka bersetuju pergi menghulu lagi, Maka ketuanya yang ~~bes~~ besar pun tinggal dengan anak buahnya (biduanda) yang lain pula mudek mengikut Sungai Muar apabila sampat disatu anak sungai mereka pun ber pechah pula ada yang mengikut Sungai Jelai hingga ka Johol dan yang mengikut darat hingga ka Pahang dan yang lain menghulu mudek Sungai Muar hingga sampai kasuatu anak sungai, mereka pun berhenti dan menyu ruh anak buahnya mudek kuala sungai itu menchari tempat hendak dibuat kampong halaman, mudeklah mereka sejauh setengah hari perjalanan mereka pun kembali kepada ketua nya mecheritakan kaadaan tempat yang [illegible]

Dalam perjalanan ini rombongannya banyak singgah ditepi Sungai Muar sepanjang tepi sungai ini maseh ada lagi peninggalan mereka ini juga kampong2 nya.

Oleh sebab bahasa mereka Jempol itu maananya chatek, elok dari hari itulah nama Jempol ini samapai sekarang, maka ramailah orang datang membuka kampong hingga kaulu sungai ini (Sungai Jempol) Inilah kampong asal atau tertua didaerah Jempol ini.

Akhir nya dapat persetujuan dari muafakat ketua2 berulang alik kanegeringa membawa orang2nya datamg membuka kampong hingga sekarang maka bertambah ramailah penduduk Jempol ini.

Semasa Datok Marapateh sampai didini iaitu mudek Sungai Muar apa bila sampai diLubuk Kepong berhenti ia disitu dan ditinggalkan ia orangnya suku tiga batu dengan diketuai oleh Laksamana, kemudian ia mudek hingga sampai kaPelangai dan ikut jalan darat hingga Bukit Tempurung Kg Tengah sampai kaSeri Menanti, dan pergi kaJohol Rembau Naning Kelang Sungai Ujung Jelebu dan Balek ka Seri Mananti.

Makadari salasilah ini maka Datok Penghulu Luak Jempol adalah katurunan Biduanda Pasak (Katua Besar) dan bukan nya yang dikatakan Jakun atau Sakai oleh orang2 Inggeris dalam buku sejarahnyaperpateh Klau hendak mengetahui lagi boleh lihat sejarah Adat Marapateh , atau Terombo Adat Perpateh Negeri Sembilan.

Dalam Jempol ini banyak bekas sejarah saperti Parit Siam (Penarikan) dan Kubor2 orang yang memberi nama Jempol ini.

(a) Kubur Datok Sempedang diKuala Sungai Jempol.

(b) Kubur Datok Senggoro sabelah hulu 20 rantai mudek sungai.

(c) Kubur Datok Besar dekat dengan Datok Senggoro.

(d) Kubur Datk Bujang sabelah hilir sungai Muar jauh sikit.

(e) Parit Siam (Penarikan) berhampiran jalan besar Bahau ka Juasseh asalnya tempat ini ialah suatu jalan pintas dari sungai Muar mengikut Sungai Jempol kaSungai Serting kaTasek Bera Sungai ka Sungai Pahang dan terus kaLaut dan kaTerengganu, semua pedagang sama ada dari Siak, Arab datang masok berdagangan dan terus pergi kaPahang dan Terengganu mengikut jalan ini, pada masa itu penduduk [illegible] ini memang [illegible] mengambil upah menarik perahu pedagang itu

diperentah oleh Raja Siam. Maka dari itu Raja Siam telah menghantar kan Lashkarnya memerangiMelaka, maka dialahkan oleh Hulubalang Melaka tetapi Raja Siam tidak puas hati maka dihantar lagi ashkar yang banyak ada yang mengikut jalan laut dan darat mana yang masuk ka Sungai Pahang terus ka tasek Bera dan ka Sungai Serting karana melihat banyak pedagang mengikut jalan itu mengikut jalan pintas penark mereka membawa perahu jong ikut sungai Jempol dan kaSungai Muar sampai kaMelaka, oleh sebab juga hendak menarik perahu mereka maka ditinggalkan ashkar nya bagi mengorek sabuah parit bagi menerâskan perahunya, maka oleh sebab siam telah dialahkan oleh hulubalang Melaka yang gagah pada masa itu ,maka mengorekkan parit itu hanya suku bahagian sahaja yang dapat disudahkan mereka pun balik kaSiam, maka tinggallah parit itu dinamakan 'Parit Siam'. bekasnya ada dekat dengan istana Serting sekarang.

Bilakah pula nama Parit Siam menjadi Penarikkan, dengan ceritanya semasa hulubalang Melaka Balik dari melarikan Tun Teja mengikut Sungai Pahang masok kaTasek Bera dan mudek Sungai Serting lalu di jalan Penarek kaSungai Jempol sampai kaMuar Makka ka Melaka maka orang2 ini lah memberi nama Penarikkan hingga sekarang nama kampong disitu.

Cherita ini adalah diterbitkan oleh AWKJ (Anak Wakan Kuala Jempol) Tanah Pusaka Nenek Moyang betul2 di Kuala Jempol (Kuala Sungai) yang ada kaitan dengan tanah perkuburan itu dan rombongan orang sembilan bersaudarayang dikatakan sakai oleh penjajah dahulu.

Adalah sebab Jempol adalah datu Luak dalam adat maka kawasan Luak Jempol ini ialah dari Palong ka Jeram Panjang ka Batu Bera ka Batu Menonggol ka Lubok Serampang ka Bukit Pasoh ka Simpang Pertang ka Langkap ka Bukut Gelugur ka Sângai Lonek ka Bukât Tempurung ka Kuala Jempol ka Palong maka tinggallah bersukusuku iaitu dua belas suku dan Batin2nya.

Datok Penghulu Luak yang Pertama ialah Datok DIAM keturunan Bidunda Pasak moyang yang berasal dari Merbau Seratus (Pasir Besar) apabila dijadikan semasa dikerejankan dâsembahkan kapada Undang Luak Johol kemudian disembahkan pada Sultan Johor oleh Undang Johol serta mendapat restu dari Sultan akan Mohornya Kurnia Sultan dengan gelaran

ASAL ADAT PERPATEH:

Datok Perpatah datang dari Padang Luas (Paya Kumbuh Minangkabau) nentara, yang dimada itu rajanya bernama Raja Mahmud dan permaisuri ya bernama Indah Julia berputra putri tiga orang yang tua bernama Marapateh dan Tengahh Temenggong dan yang bongsu bernama Putri Sri B dan memerentah dengan bijak sana nya di Padang Luas Sumatera.

Pada suatu hari datok Marapateh telah memohon pada ayahnya hendak pergi menchari ilmu pengetahuan dengan belayar menjelajah dan min ini, maka ayahnya pun memberi izin supaya menimba ilmu rantau orang. Maka Marapateh dengan orangnya belayar menuju ka-... hingga banyak yang dapat olehnya dalam pelayaranya itu , hingga sampailah kabenua China maka ia pergilah kabeberapa wilayah dan sampailah ia diwilayah Hokkien maka dia minta menompang bertempatan ketua wilayah Hokien itu menerima akan kedatangan Datok Perpateh maka ia melihat dalam segi peraturan adatnya agak baik mengikut susu ng bertangga naik berjanjar turan, maka dilihatnya kehidupan ... rakyatnya berkaum2 bersukusuku berpuakpuak tetapi apabila menyebut namanya dia menyebut nama tempat dahulu kemudian sukunya.

Sesudah sekian lama dia pun kembali kaSumatera Padang Luas apabila sampai mengadap ayahhdanya mencheritakan akan pengalamannya semasa merantau kebenua ke China. Maka Datok Perpateh pun memint ... izin kapada ayahnya untok menjalankan pemerentahan dan tadbir yang dipelajarinya dari perantauan, maka dengan izin ayahnya diizin kan. Maka perpateh pun mulalah membuat peraturan dengan mem anggil segala ketua dan pembesar2bermeshuarat segala keputusan diterima oleh pembesar2, Datok perpatehlah jadi Penghulunya dan menyusun adat bertangga naik berjanjang turun: Anak buah berbuapak buapak berlembaga, Lembaga berpenghulu/undang. tiap2 puak itu ada buapak,adalembaga ,dan berjalanlah adat Perpateh di Padang Luas Sumatra.

Dalam kurun ketiga belas maka Raja Ayahnda nya mangkat begitu juga ibunda nya oleh sebab yang demikian maka timbullah siapa yang mengganti kan raja di Padang Luas ini,

Datok Marapateh pun memanggil semua datok2 dan ketua2 serta pembesar negeri datang bermashuarat bagi memilih pengganti raja raja, dalam meshuarat itu telah dapat membuat satu keputusan iaitu Datok Marapateh menggantikannya tetapi telah dihalang oleh Datok Temenggong karena dia hendak menjadi raja juga, kemudian dua beradik ini bermuafakat berjumpa dengan adik perempuannya Sri Banun, maka Putri Sri Banun juga hendak menjadi raja juga, maka datangkan meshuarat sekali lagi, semua kumpulan ketua dan pembesar tidak mahu menerima Sri Banun, tetapi membuat keputusan jika bersuami bolehlah menjadi Raja,

tetapi tiada dapat mencharinya didalam negeri itu oleh sebab maka Datok Marapateh pun pergi ka negeri Keling (Hindi) sakembalinya dia membawa saorang anak raja Hindi ber nama Catri Pilang Pandi maka di kahwinkan dengan Putri Seri Banun dan mereka pun hidop aman, Maka Marapateh pun dengan Temenggong mengadap pada Adek ipar nya menyerahkan kerajaaan, Padang Luas itu.

Tetapi Raja Chatri tidak mahu menerimanya kerana dia tidak p pandai memerentah mengikut peraturan yang ada itu, maka diserah kan kapada abangnya kedua untok memerentahnya. Maka Marapateh dan Temenggong pun berbahagi daerah ~~sapazxxxmkxxmg~~ serta dengan peraturan pemerentahan masing2 kata Marapateh iatu Adat Marapateh dengan perbilangannya:-

Alam beraja Luak berpenghulu Suku berlembaga
Anak buah berbuapak, Adat bertangga naik berjanjar turun
Chinchang pampas bunoh beri balas Tawar beli Kopo taubat
Sesat hujongb jalan balik kapangkal jalan.

Adat Datok Temenggong :- Siapa menjala dia yang terjun
Siapa yang bunuh dia kena bunuh, Siapa yang berhutang dia yang bayar.

Satalah ber~~lan-nah~~ bahagi pemerentahan masing2 dengan baik tetapi maka terjadilr suatu perbalahan yang kurang memuaskan atas Perbuatan Datok Temenggong kerana memukul ~~anak~~ anjing anak Marapateh sebab menggigit kaki anak Temenggong dipukul oleh Datok Temenggong, maka Datok Marapateh pun berkata 'kenapa kau pukul anak anjing itu, pada hal adat kamu gigit balas gigit maka jawab Temangggong' manaboleh anjing digigit'.maka perbalahan itu pun sampaikan pada Raja untok dapat pengadilan, maka jawab oleh Raja ini bukan kesalahan abang semua tapi adalah kesalahan Beta jua kerana satu negeri dua raja 'Huru hara' satu kapal dua nakhoda 'Tumpah karam' Maka disini Raja pun bertitah pada Abang-nya kedua supaya keluar negeri menchari tempat dan memerentah sendirian, Maka jawab oleh abang-nya meminta buat kan Ana buah bahtara (Jong) untok kaluar negeri, maka Raja pun

ramai dan orang2 yqng mengikut Datok2 kedua iaitu diBukit Siguntang karana pada hari itu akan melancharkan bahtera itu.

Maka naiklah kabahtera masing2 maka orang banyak pun melanchar bahtera itu dengan sorak sorai nya , akan bahtera Temonggong melancar turun dengan lajunya hingga tak nampak lagi kamana kalaut lepas.Sedang kan bahtera Datok Marapateh tidak bergerak walau sadikit pun hingga semua orang tersangatlah hairan dan ta'jub, maka pulanglah semuanya karumah masing.

Pada malam itu Marapateh pun mendapat alamat dalam mimpi ada suara berkata' Jikalaubahtera itu hendak dilancharkan dengan sempurna hendaklah digalangkan dengan perepuan bunting sulong' Pada keesokkkan hari maka Marapateh pun mengadap Rajaw menyembahkan perihal mimpinya maka raja pun menitahkan ahli falak menta'abirkan, jawabnya benar oleh itu raja pun menyuruh orang menchari perempuan bunting sulong malang nya tidak ada dalam negeri itu kechuali dua orang iaitu anak Datok Marapateh dan Anak saudaranya anak raja sendiri.

Maka dipanggil mereka kahadapan raja maka di‡tanya oleh raja, maka dijawab oleh anak Marapateh 'Tidak mahu oleh sebab adat ayahnya 'anak diberi makan anak buah sorong kobalas' Maka titah pula pada anaknya sendiri: maka di-jawab oleh anaknya dia rela sanggup mati asalkan dapat menebus maruah bapa saudaranya daripada malu' maka di-gimilah sebabnya anak perempuan diberi harta.

Maka anak Putri sri Banun pun disiap kapankan serta masukkan dibawah bahtera menjadi galangan bahtera bapa saudaranya, maka orang banyak pun meluncharkan bahtera itu dengan senang saja meluncher kaka kalaut terus hilang pandangan, satelah bahtera tidak ada lagi dengan kudrat tuhan Putri yang digalangkan itu tidak ada apa2 chachatnya kemudian dibawalah pulang kaistana, apabila sampai diistananya putri pun bersalin kan saorang lelaki, maka dikhabarkan lah pada Datok Mar Marapateh disuruhkan panglima memberitahu akan hal itu, maka Datok Marapateh pun memberikan nama anak itu MENGGALANG.

Dalam pelayaran Marapateh itu singgah ia kaSiak dan kepulauan sahingga sampai ia kaMuara Muar dan mereka mudek kahulu hingga sampai kasuatu tempat iaitu Lubok Kapong maka berhentilah disitu dan Datok Marapateh pun meninggalkan orang nya dari suku Tiga Batu yang di-ketuai oleh Laksamana kemudian dia mudek lagi hingga samapai ka Merbau Saratus berhenti sebentar disitu ada jua ditinggalkanya, dan mereka pun mudek lagi hingga sampai ka Kuala Jempol maka tinggalkan nya orang disitu hingga sampai menyusur sungai Muar apa bila sampai ka satu tempat dia berhenti menakuk Dastarnya Batik Tjul Layang bertakuk Selok Pelangi maka nama tempat itu Pelangai , kemudian ia tidak lagi mengikut sungai mereka mengikut darat pula hingga sampai kabukit Tempurung (Kg Tengah)kemudian ia keputusan ayt ayer maka disuruh orangnya pergi menchari ayer, orang2nya pergi apabila sampai kasatu tempat ia terpandang disitu ada sarumpun padi iaitu tinggi sedang rendah, maka mereka mengkhabarkan pada Marapateh, jawabnya pada itu seri yang menanti kita semua ini, yang tinggi itu ialah raja, yang sedang itu ialah penghulu., yang rendah itu ialah lembaga.maka di suruhnya orang2 membuka kawasan menebang menebas membuat ladang dan huwan serta kampong, . Walapun semua-nya berjalank dengan baik tapi timbul pula satu pokok yang ditebang pada esoknya tumbuh kembali maka dipanggil pawang katanya ini pokok angga bisa.

Satelah kawasan diduki dengan orang ramai maka Marapateh pun m memanggil orang besarnya menyusun adat diAngga Bisa (Seri Menanti). iaitu Datok Luak Naning Datok Laksamana Lubok Kapong dan Datok Amar Palaing.

Alam Beraja
Luak ber Penghulu
Suku berLembaga
Anak buah berBuapak
Orang semenda tempat semenda
Adat bersedi hukum
Hukum barsandi Kitabullah

Dianjak layu dichabut mati
Tak lekang dek panas
Tak lapok dek hujan

Dalam Dadarat tak menuju benar Siar bakar
Dalam Dalaut tak menuju alur Tumpat karam
Tak patah Tiek   Tak pekong Jingkek.

Itulah yang dikata adat Mensiang (Azali) yang boleh dibahasakan 'Biar mati anak jangan mati adat', bagitulah kokohnya adat yang dimetrikan.

Yang kedua adalaha adat yang diadatkan; Iaitu mendirikan adat Adat satu Pesaka datar berhak masing2 berumpok sorang satu. berlopak bak sawah beruwang ruangbak durian.

Adat satu pesaka datar
Bak apa adat datar pesaka satu
Berhak masing2 berumpok sorang satu
Beruang ruang bak durian
Belopak lopak k sawah
Hak orang jangan diambil
Hak awak jangan diberikan. (MENGKIANG)

(TIANG)

Yangketika Adat Istiadat: Pakaian masharakat iaitu Adat(TIANG Pinang Meminang, nikah kahwin, kenduri kendara, berdasarkan adat bertangga naik berjanjar turun yang boleh diubah2 mengikut peredaran zaman apa bila mengubah dizaman itu ada 2 ahli sharak, Mudim, Bidan, Pawang, maka disinilah mengikut benar yang empat, jika tidak ikut siar bakar ,tumpah karam, tak patah tiek, tak pekong jingkek,
maka keputusan nya memilih ketua agungnya, maka dengan sebulat suara datuk2 pun melantik Datok Marapateh menjadi Rajanya (Agong)

Yang keempat: Adat Muafakat: Adat pembetong (
Adat kebulatan
Muafakat adat bertangga naik ~~bertangga~~ berjanjar turan
Adat tangah terang muafakat dalam gelap
Alah adat dek muafakat
Adat atas muafakat   muafakat atas buatan
mengikut benar yang empat

Terombo Adat Perpateh:

Alam beraja
Luak berpeghulu
Lembaga berlingkungan
Berbuapak beranak buah
Waris berpesaka
Adat datar pesaka satu
Adat datar pesaka bertentu
Berhak masing2 berumpuk sorang satu
Hak orang jangan diambil
~~Hak orang jangan diambil~~
Hak awak jang diberikan

Bulat anak buah jadikan buapak
Bulat buapak rapat waris jadikan lembaga
Bulat lembaga sedia waris jadikan undang/penghulu

Adat bertentu bilang beratur
Adat ditengok atas tumbuhnya
Tumbuh dibukit --- penghulu
Tumbuh di lereng--- lembaga
Tumbuh dilurah --- anak buah buapak

Dilurah:- Jajak Pesaka   Atas Saka   Perempuan /Lelaki

Hutang berturut chagar bergadai
Chinchang pampas bunuh beri balas
Anak diberi makan anak buah disorong kebalas
Hak berpunya harta bertuan
Berhak masing masing
Berumpok sorang satu
Untok orang jangan diambil
Untok awak jang diberikan
Sesat dihujung jalan
Balik kapangkal jalan
Salah patuk kalitaikan
Salah makan muntahkan
Kalau jual beli
Kalau kofo taubat
Mengikut benar yang empat:- Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah
Chupak yang pewai ......Benar awak
Gantang yang pepat......Benar orang
Bungkal bertimbang......Benar Adat
Teraju yang lurus ......Benar Sharak
~~[illegible]~~
Kedarat tidak menuju benar...Biar bakar
Kelaut tak menuju alor...Tumpah karam.
Tak patah tiek ..Tak pekong Jinguk.

Dianjak layu
Dianggur mati
Biar mati anak
Jangan mati adat

ATURAN MEMILEH KETUA ADAT:

Dalam adat Perpateh ada tiga ketua adat yang penting untok menentakan puak dan suku suku masing masing saperti

Alam beraja Luak ber Penghulu Suku berLembaga Besar Pesaka berwaris Anak buah berBuapak

Tugas buapak beradat dalam anak buahnya dan burok baik nya semua buapak mengambil tahu.

Tugas Besar Pesaka Waris ialah Mengokohi Adat umpamanya ditiap satu waris itu ada dua atau Buapak semuanya ini tertaalok kapada Besar Pesaka . Tugas kedua ialah Pelapik dada pada Lembaga, Sampan pelayang pada Penghulu, Kuda pelajang pada Keadilan, dan pegawai sembilan puloh sembilan di istana.

Tugas Lembaga: Lembaga berlingkungan memegang adat dan Lembag Lembaga yang boleh membawa meshuarat menambah mengubah atau mengurangkan adat yang diadat kan mengikut peredaran zaman dan tak boleh disabitkan dengan adat yang tak lapok dek hujan tak lekang dek panas dalam perkara ini Undang atau Penghulu jadi pengadilnya mengikut perbilangan adat Lembaga adalah anak pada pada Penghulu Luak. Lembaga bertanggong jawab atas geran tanah yang dichapkan Costomary Land dakwat merah (Geran Lembaga)

Undang Luak atau Penghulu Luak menjadi keadilan dalam Luaknya mengikut benar yang empat kalau terkeluar dari itu maka bukan mengikut adat perpateh nama nya dan jangan puar chondong kaperut dan sayangkan aur serumpuanpada pinang sabatang dan Undang berhak menghukum orang yang beradat diatas.

Buat setakat ini saja dulu saya chatitkan lebih kurang kesuntakkan masa dalam masa dua minggu ini. sekian

Wassallam wabillahi taufik hidayat assalamualaikom.

AWKJ LAXAMANA.

SUKU TIGA BATU SETIA RAJA:

Tiga Batu Setia Raja mengandungi tiga perut [illegible] Ulu Jempol iaitu perut Majau, Pulau, [illegible] dan perut Lonek dan Kuala Jempol, Buapaknya tiga orang Ulu Dato' Senara Muda, [illegible] Dato' Jengkaya, Kuala Dato' Senara Kaya, Besar Pesaka Waris [illegible], Besar Warith perut bergelar Gindo Raja, [illegible], Bentara, [illegible] Lakmana, dan [illegible] warith [illegible].

Suku Tiga Batu ini berasal dari Luhak Jepang [illegible], datang ke Ulu Jempol dan Kg Lonek serta Kuala Jempol yang mana berkembang sehingga hari ini [illegible] Tiga Buapak.

Dengan adanya tiga Buapak maka [illegible] jalan menyandang Pesaka Lembaga juga bergelar-gelar [illegible] anak buah Buapak mengikut Perut Hulu kemudian Perut Kuala kemudian Perut Lonek.

Oleh sebab [illegible] sudah telah berlakunya satu pergeseran antara Perut Lonek dengan Perut Kuala maka Lembaga telah disandang oleh Perut Hulu [illegible] sebab itu pada Geleran yang ketujuh [illegible] datang, [illegible] Perut Kuala Jempol.

Datok Lembaga: Datok Sani b Ghafar [illegible] Kata Ulu Jempol

Datok Laksamana: [illegible] Kg Mahu Kg Jempol [illegible]

Buapak Hulu: Datok Senara Muda A.Ghafar b Ijal Kg Keru

Buapak Lonek: Datok Jengkaya Hj Mohd Isa b Ali Kg Pelada [illegible] Serting Ilir

Buapak Kuala: Datok Senara Kaya Musa b [illegible] Kg [illegible] Serting Ilir

Besar Waris: Gindo Raja: Mokhtar b Hj [illegible] Kg Majau

" " : [illegible] : [illegible] Ulu Jempol

" " : Lakdana : Ariffin b Omar Kg Kata " "

" " : [illegible] : Ismail b [illegible] Kg [illegible] " "

" " : Kendo : Ismail b [illegible] Kg Pulau " "

" " : Lakmana : Aziz b [illegible] Kg [illegible] Kuala Jempol.

Soko Waris Tua: Kg Majau: [illegible] bt [illegible].

" " " : Kg Kata : Ijah bt [illegible]

" " " : Kg Pulau: [illegible] bt A. [illegible]

" " " : Kuala Jempol: Che' [illegible] bt Yassin

Tua Waris bagi Kuala Jempol: Che' Hussin b Ismail Kg Serting Ilir.

Perjumpaan ini telah diadakan dirumah Datok Lembaga Tiga Batu Setia Raja di Kampong Kata Ulu Jempol pada 17/12/1989 semasa Perut Kuala menyembahkan Buapak Datok Senara Kaya beserta Soko dan Pesako kepengetahuan Datok Lembaga Setia Raja Hj Sani b Ghafar jam 4.30 petang yang dihadiri oleh Laksamana dan Buapak Buapak serta Besar2 Waris dan Soko Pesaka Tiga Batu Luhak Jepang Luak Jempol.

Adat aturan memileh Ketua2 Adat.

Dalam adat Perpateh ada tiga Ketua adat yang penting untok menentukan puak atau suku masing2, dan membawa kapada masharakat daerah hingga kaperengkat negeri, dalam perbilangan adat Perpateh Alam beraja Luak ber penghulu Suku berlembaga Besar Pesaka berwaris Anak buah berbuapak, jadi tiap2 satu ini ada tugas masing2 umpamanya Buapak beradat dalam anak buahnya burok baiknya semua itu buapak adil tahu. Besar Pesaka berwaris mengokohkan adat umpamanya satu2 waris itu ada dua atau tiga buapaks semuanya tertaalok lah pada Besar Pesaka Tugas kedua ialah menjadi pelapik dada pada Lembaga, sampan pelayang pada Penghulu, Kuda pelejang pada Keadilan, Pegawai sembilan puloh sembilan diIstana, didalam suku dua belas ada dua belas Besar Pesaka dan dalam suku Waris Biduanda ada satu Besar Pesaka yang mengandang buapak pada perutnya serta sebagai pemerhati kerja2 Lembaga Adat dalam Penghulu Luak dan tiang balai untok melihatkan kalau melindong sembunyikan adat.

Lembaga berlingkongan menerang adat, lembagalah yang boleh membawa meshuarat bagi menukar menukuk menambah atau mengurangkan adat istiadat iaitu adat yang diadatkan mengikut peredaran zaman dan tak boleh di sabitkan dengan adat yang tak lapok dek hujan dan tak ~~xxxxx~~ lekang dek panas kerana dalam perkara ini adalah dibawah kuasa Undang/Penghulu Luak jadi pengadilnya dalam perbilangannya:- Lembaga anak kapada Penghulu Luak dan Lembaga juga bertanggong jawab atas tanah pesaka adat (Customery Land) dakwat merah atau geran Lembaga.

Undang Luak/Penghulu Luak: menjadi keadilan dalam luaknya ~~xxxxxx~~ mengikut benar yang empat "Benar awak Benar orang Benar Adat Benar Sharak" kalau tidak mengikut benar kadarat Siar Bakar kalaut tumpah Karam kalau tak patah tiek kalau tak pekong jinjak perjalanan adat adalah jauh daripada Puar ehondong kaperut sayungkan aur se rumpun dari pinang sabatang , Penghulu menerima kata sepakat bak kata adat bulat ayer kerana pembetong bulat manusia kerana muafakat kalau kata berchanggah disampaikan pada Penghulu Luak~~xx~~ yang ber hak menghukum orang yang beradat dalam Luaknya.

Memileh Buapak:
Yang pertama memileh buapak hendaklah sebulat anak buah Soko dan Pesako memileh buapak;
Istiadat Pengesahannya:
Disembah~~xxx~~ oleh Soko dan pesako, kemudian dihantarkan karumah Lembaga dan disembahkan oleh Soko Tua dan waris tua serta soko membawa boko wajik atau penganan dan kueh much beserta wang adat tujuh ringgit dua puloh sin, kemudian Lembaga akan mengeluarkan adat buapak tiga ringgit enam puloh sin sabagai pesaka adat baginya.

Salepas itu waris tua hendaklah menambangkan karumah isterinya yang dinantikan oleh buapak sabelah isterinya dan soko pesako sabelah isterinya.

Memileh Besar Pesaka Waris:
Bulat anak buah beserta buapak memileh Besar Pesaka Waris.
Istiadat Pengesahannya:
Disembah oleh Soko dan Pesako, ~~xxxxxxxx~~ beserta buapak dan waris tua, kemudian Buapak serta Soko menghantarkan dan disembahkan kapada Lembaga oleh Bu[illegible] tinda membawa wang adat, kemudian Lembaga membawakan koBalai Penghulu Luak Lembaga yang menyerahkan ~~xxxx~~ istiadatnya Soko membawa tepak sirehdan boko wajik penganan empat biji beserta kueh ... yang patut buapak membawakan adat istiadat sebahara empat belas ringgit dan kemudian Besar Pesaka hendaklah menjunjung delat atau menjunjung kaseh kapada Penghulu Luak serta Penghulu Luak menurunkan adat istiadat Besar Pesaka tujuh ringgit. Kemudian Besar Pesaka ini diturunkan daripada rumah telapakannya disediakan tabir lingkong dan tabir Lelangit.

Lembaga

Memileh Lembaga bulat waris serta buapak beserta Besar Pesaka memileh Lembaga, apabila sudah bulat boleh digolokan dan pipih boleh dilayangkan maka ditentukan rumah telepaknya masa memileh tidak payah dimana pun boleh sebab masa itu belom tahu siapakah yang dipanjat oleh tuah, bila sudah tentu baharulah rumah tetapakan yang terdekat rumah ibu adek kakak, kamudian rumah ini hendaklah membentang chara peradat dan berkampong semua Soko dan Pesako dalam waris itu serta buapak2 dalam waris itu dan menyembahkan darjat yang diketuai oleh Besar Pesaka, buapak, tua waris dan Besar waris, dan soko2 pesako2 kemudian dihanterkan kaPalai Penghulu Luak istiadatnya empat belas ringgit empat puloh sin dan satu tepak sireh boko empat biji wajik dan penganan beserta kueh mueh yang patut, yang diketuai oleh Besar Pesaka Waris apabila sampai hendaklah serahkan kapada Lembaga yang Tua (bukan tua umor) iaitu yang menangka tathala mati atau dipechat keranan Lembaga itu yang menyerahkan kapada Penghulu Luak kemudian Lembaga menjunjung sembah/kaseh kebawah kaus Penghulu Luak serta diturunkan adat istiadat Lembaga tujuh ringgit dua puloh sin sebagai istiadat Datok Lembaga.

Kemudian itu sekali lagi istiadat menuju kerumah isterinya, sharatnya dirumah isterinya juga membentang kemudian dihantar oleh soko dan pesako yang diketuai oleh Besar Pesaka dari rumah telepakannya karumah isterinya yang sedia menunggu oleh waris isterinya diketuai oleh Lembaga sabelah isterinya, istiadat yang dibawa oleh soko tepak/epok sireh adat tujuh ringgit dua puloh sin boko dua biji dan buah tangan kueh mueh, apabila sampai Besar Pesaka yang bertanggong jawab kapada Lembaga sabelah isterinya menyambutkan Datok Lembaga itu, yang istiadat itu adalah ... apabila mati Lembaga dikeluarkan jadi semahunya.

Inilah yang dikatakan adat tak lapok dek hujan
tak lekang dek panas dianjak layu dichabut mati.

Sambaan chakan (Perbilangan)

Hidup peruntungan
Mati hukum Allah
Hidup dikandong adat
Mati dikandong tanah
Selingku alam beranak orang bertiga
Nan tua bernama Perpateh
~~xxxxxxxxxxxxxxx~~
Diam diUlu Gunung Payong
Tempat jarum nan tinggi
Tempat bintang nan melintang
Tempat ungka sidang kayu
Tempat ayer segantang seluhuk
Tempat akar berchuntak dama
Tempat murai tinggi berkichau
Tempat gagak berjuntai kaki
Tempat tupai turun naik
Tempat kera loncat ...
Tempat anak seluang berlompatan
Tempat enggang ... tak lalu
Tempat ranting ... tak patah

Itulah tempat perpateh membuat kampong halaman(membuat kampong) dengan mata pencharian berbilangan:

Kedarat meranti sinang dahan ......mencharai rotan dasar
Kahulu ganang guntung ......mencharai bijeh ladang
Kabaruh lenan nan luas ......membuka sawah
Kahilir senggan silukah hanyut......mencharai ikan
Keatas senggan sirlang belum tak besar mencharai lebah ...

Perbilangan meneroka:

Sahelai akar nan putus (Untok pengikat pagar)
Sabingkah tanah nan terbalik (Untuk pematang)
Sabatang kayu nan rebah (Untok belintang)
Sajeman buluh bilah ditanam (buluh pagar)
Besi berdenching
Puntung berasap (anchak bara)

Perbilangan keluarga:

Sabingkah tanah nan terbalik
Sahelai akar nan putus
Sabatang kayu nan rebah
Sahelai daun nan gugur
Kok rimba nya raya
Kok Laut nya lep s
Kxxkxxxx
Kok rimba dah jadi hutan
Kok hutan dah jadi belukar
Kok Belukar dah jadi ladang
Kok ladang jadi kampong
Kok kampong dah bersudut
Kok sawah dah berlopak
Kok nyior dah sako
Kok pinang pun dah bayu
Kok negeri pun dah sentosa
Kok orang pun dah ramai

Aturan adat dari nabi
Turasan adat dari nan tua
Adat di dirikan Sharak dilazimkan.

Adat yang diadatkan:

Adat satu pesaka datar
berumpok sorang satu
berhak masing masing
hak orang jangan diambil
hak awak jangan diberikan

Adat Chengkiang.

Adat Istiadat: Tiang

Istiadat pinang meminang
nikah kahwin, kenduri kendara
menjemput kematian bini
Adat bertangga naik
berjanjar turun
menjemput besar adat.

Adat Muafakat: Pembetung.

Istiadat menjemput mempelai
Istiadathantar terima /lain2

Adat muafakat atas buatan.

Kok alam beraja
Luak berpenghulu
Suku berlembaga
Besar berxxxxxx waris
Anak buah berbuapak

Adat satu pesaka datar
Bak apa adat datar pesaka bertentu
Berhak masing masing
Berumpuk sorang satu
Beruang ruang bak durian
Berlopak lopak bak sawah
Hak orang jangan diambil
Hak awak jangan di berikan
Adat bertangga naik
Berjanjar turun

Lantak ditukul pada Lembaga
Emas ditahil pada buapak
Jangka dielak pada waris

KEBENARAN ADAT.

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah
Chupak yang pewai
Gantang nan pepat
Bungkal bertimbang
Teraju nan lurus
Benar awak   Benar orang
Benar adat   Benar sharak

Kalau tak tahu menuju benar:
Kadarat siar bakar
Kalaut tumpah karam
Kalau tak patah tiek
Kalau tak pokong jingkek

Dianjak layu dichabut mati
Tak lapok dek hujan
Tak lekang dek panas

(Inilah dikatakan Adat Mensiang).

Dimana anjing menyalak
Disitu biawak memanjat
Tiang terpalang - xixxinxxt
Dinding terotas
Nama kichang kechoh
Terpegang terkelekai
Terkejar terleleh
Terpakuk terpauk
tergadabang gadabekkan
Peranggah kalak kalak
Tiga kali empat sepuloh dua
Kedarat tak tentu denai

MENJEMPUT KEMATIAN ISTERI.

Adat menetapkan di-dalam perbilangan ,adat berkahwin ,Pergi berjemput, pulang berhantar; kalâu kematian isteri pula pergi berhantar pulang di-jemput, bagitulah peraturan adat, ini bermaana aba bila saseorang itu , berkahwin si-laki -laki perginya di-jemput oleh pehak perempuan, jika ia pulang karumahnya di-hantar lah beramai ramai oleh sanak saudara handai dan taulan,jika pula kematian isteri pulangnya karumah ibu bapa atau saudara maranya di-jemput kembali beramai ramai oleh sebab perginya dahulu di-hantar.

Satu hari yang di-tetapkan oleh kedua belah pehak baik siang atau malam biasanya hari yang ketiga salepas kematian kerana hari itu di-buat kenduri aruah datanglah beramai -ramai sanak saudara si-laki laki di-ketuai, oleh Buapak Sokonya akan membawa bujam,boko ia itu kuah wajek dan penganan [illegible] laki laki ibu [illegible], sabilah keris jika ia jika ia menjunjung pesaka saperti Buapak atau lembaga, kalau Penghulu luak di-tambah lagi dengam semua alat kebesaran saperti keris panjang payung,tombak bera mbu, alat ini akan di-letakkan di-hujung serambi di-tudong dengan tudong saji,orang ramai pula akan membawa buah tangan saperti kuak kueh,kedatangannya tadi lebeh dahulu berkumpul di-rumah soko kemudian baharu turun ber sama sam menuju karumah tadi.

Telah sedia semuanya buapak yang datang akan memulakan istiadat itu denga n menyorongkan lebeh dahulu bujam atau tepak sireh,telah makan sireh buapak yang menerima berkatalah buap tadi ,kadatangan kami yang sahari ini bap kata orang cincang berlandasan,kata bertumpuan jadi pada datok lah ka mi tumpukan,kedatangan kami ada kalanya berjalan saja,ada kalanya membawa hajat serta niat, kami turun dari rumah yang berkotak tangga,maka terlangkah tangga yang bongsu di-serukan lah untok baik dan tuah;

Kalau laki laki diserukan untong,
kalau perempuan di-serukan tuah,
untong sudah melambong,
malang sudah menimpa,
kalau kalaut pecah perahu,
kalau kadarat pecah periok,
kalau cicir hendak di-pungut,
kalau hilang hendak dicari,
kalau sireh akan pulang kegagang,
kalau pinang pulang ketampok,
kalau kerbau pulang kekandang,
kalau belut pulang kelumpur,
manusia pulang pada warisnya,
kalau datang nampak muka ,
kalau pergi nampak belakang,
tergawa mati tanda berhutang,
bukan hutang padi bersukat,
bukan hutangkain berhasta,
bukan hutang ringgit berbilang,
hutang adat dengan pusaka,
hutang budi dengan bahasa,

Maka di-balas pula oleh buapak sabelah,
Untong sudah malambong,
malang sudah menimpa,
kalau di-laut pecah perahu,
kalau di-darat pecah periuk,
kalau cicir akan di-pungut,
kalau hilang telah di-cari

manusia pulang pada warisnya,
yang di-jemput akan pulang,
yang tinggal berhati walang.
tetapi di-masa kini kata kata berbilangan ini jarang sakali di-gunakan ke rana di-takuti menambahkan sedeh kapa anak anaknya serta saudara yang lain, memadai lah datang beramai ramai dengan membawa adat istiadat ,saperti Boko ,bujam atau tepak sireh,pakaian sapelulusan (kata adat batang tubuh) akan di-sediakan oleh pehak ,perempuan di-bubuh dalam dulang ditudong dengan tudong saji juga.

salepas itu doa selamat di-bacakan oleh tuan imam,jamuan rengan pun di-edarkan, salepas makan nasi bersurailah pehak yang menjemput tadi misti di-hantar oleh yang di-jemput sakurang nya hingga kapintu pagar dengan membawa keris jika ia orang besar,salepas itu keris atau istiadat yang lain itu , di-pulangkan pada soko yang menjemput tadi, bersama juga batang tubuh sapersalinan tadi ertinya membawa pesakanya balek kawaris, alat ini akan di simpan oleh soko, yang di-bawa boko tadi di-tinggalkan di-rumah perempuan laki laki yang mati isteri tadi boleh lah balek karumah nya samula dan bo tinggal bersaasama anaknya jika ia ada anak jika dia mahu, atau salepas itu jika ia hendak balek karumah emaknya atau saudara nya terpulang lah.

KEMATIAN SUAMI.

Jika kematian suami pula tidaklah payah di-buat saperti kematian isteri , memadailah pehak isteri akan memulangkan (Batang tubuh sapersalinan) pada ibu bapanya atau soko, jika si-sumi yang mati itu orang besar saperti Penghulu Luak ,Lembaga atau Buapak, batang tubuh ini akan di-keluarkan di-masa melantek penggantinya , untok menyerahkan batang tubuh ini hendalah di-bubuhkan di-atas tudung saji yang di-telentangkan.

PENGESAHAN PUSAKA BUAPAK.

Kata adat buapak ini san betalnya dari dari anak buah,hidup matinya dari Lembaga,(ertinya di-pileh oleh anak buah disahkan oleh Dato' Lembaganya juga berhentinya atau berhenti di-pecat di-perkenankan oleh Dato' lembaganya juga).

Salepas beberapa hari buapak ini di-pileh oleh warisnya (anak buah) hendaklah pula di-sahkan oleh lembaganya ,satu hari yang di-persetujui oleh Dato' lembaga datanglah buapak ini yang di-iringi oleh Besar waris dan Soko dengan membawa Boko ia itu kueh penganan dan wajek tepek sireh,dan , wang kepala mayat namanya emas dua puluh mati,atau tujuh ropiah dua serupi bermaana $ 7.20 ,apa bila sampai karumah Lembaga Besar waris tadi akan menyorongkan tepak sireh pada Lembaganya ,telah makan sireh Besarmula kedatangan hamba dato' ini telah pun kebulatan anak buah memileh sianuini menjadi Buapak inilah hamba Dato' serahkan pada Dato' dan serahkan sakali Istiadat yang di-bawa tadi saperti wang kepala mayat Boko,Dato' Lembaga , akan menjawab kami terimalah dengan meletakan tangannya sebentar,menada diterima, lepas itu Dato' lembaga itu akan menerangkan tanggong jawabnya memimpin anak buah hendaklah adil,salepas doa selamat di-bacakan jamuan , nasi akan diedarkan.pula dan bersurai, maka sahlah sudah pemegang Pesaka Buapak itu.

ISTIADAT MERAPAT ATAU MENGEMBANG PESAKA.

Salepas beberapa bulan datanglah pula anak anak buah yang saadat dan yang saresam berkumpul lebeh dahulu di-rumah sokonya,kemudian baharu turun beramai ramai menuju karumah buapak dengan membawa tepak sireh boko wang tujuh dua rupi saperti pengesahan pusaka juga yang di-siapkan oleh soko anak buah yang lain akan membawa buah tangan kueh kueh, di-rumah buapak itu di-pasanglah alat kebesaran ujung serambi di-pasang tabir lingkong,tabir , langit langit,di-hujung serambi melintang di-pasang pula tilam panjang

yang beralaskan tiga helai tikar berompok, panjang sedang dan pendek, dan di-sediakan juga tepak sireh,Buapak dan isterinya di-sandingkan, duduk di-atas tilam itu yang di-hadapi oleh anak buah penoh hingga , kapangkal serambi.

Apa bila telah sip sedia semua nya, istiadat di-mulakan soko yang dadi-iringi oleh soko muda dengan membawa adat istiadat tadi berjalan, kahujung serambi dan duduk menyerahkan pada besar warisnya ,Besar waris tadi akan menyorongkan tepak sireh pada Besar Waris sabelah perempuan dengan berkata makan sirehlah Dato' ;telah makan sireh,besar tadi berkata, kedatangan kami yang sari ini hendak menerangkan pada Dato' dan semuanya saadat saresam, bahawa orang semenda Dato' sebutkan nama dengan kebulatan anak buah kami telah di-jadikan Buapak yang bergelar ....kok berbobek ba' sberau,kok berbolang bak harimau, kok besarnya hendak di-bujurkan,kok panjangnya nak di-lintangkan,ta' boleh di-suruh arah, sama sama lah menjaganya; maka di-jawab pula oleh Besar sabelah kami semua di-sini sangat sangat berbesar hati kerana orang semenda kami telah menjadi orang besar, kecek tapak tangan ngiru kami tadahkan, sama sama lah kita pelihara melihara ,ibaratkan lah iberat kakayu besar di-tengah padang ,batangnya tempat bersandar,daunnya tempat bertedoh, lepas berkata kata istiadat tadi wang dan boko itu diserah, pada Besar tersebut sabagai tanda rupa.

Lepas itu istiadat menyembah di-jalankan, mula soko dahulu menyembah di-ikut oleh semua pehak perempuan sabelah menyebelah,lepas baharulah pehaklaki laki didahului oleh besarnya saadat saresam dan semua yang ada di-rumah tersebut.

habis sahaja istiadat menyembah buapak yang baharu itu berucap ikhrar sama sama taat setia taat setia pada ketua adat Dato' lembaga,dan akan cuba menjalankan pemerentahan dengan adik sasama,dan menesihatkan anak buah supaya bersatu , kabukit sama sama didaki,kalurah sama sama dituruni, gadoh hulu dihulukan gadoh hilir di-hilirkan gadoh tengan dihimpuni saia sakata sahayun salenggang.

Salepas doa selamat di-bacakan oleh To' Imam jamuan nasi di-edarkan. dan kueh kuah yang di-bawa tadi di-keluarkan sakali; dan bersurai.

Peringatan) Buapak dan besar waris hidupnya mengandongi adat,tetapi matinya tidak mendibikan adat; bermaana jika anaknyakahwin sama juga saperti anak Lemnaga mas kahwinnya di-tambah dengan adat buapak. jika siapa sahaja berkahwin di-rumah Buapak Bear waris atau soko atau diarumah kalapaannya hendaklah adat tersebut,walau orang kahwin menompang sakali pun.

Tambahan BEKERJAN DATO' LEMBAGA muka surat 4
Istiadat juga misti di-siapkan oleh Soko nya saperti merapat buapak ia itu Boko,tepak sireh istiadatnya satu bahara $ 14.20 tetapi yang menjalan adat itu ia lah Buapak dengan buapak, kata katanya itu hampir sama dengan menambah sadikit ayat menambangkan intan gemala kami di-sebut g gelaran Datonya pada orang si-sini sama sama lah pelihara melihara, ma kerapatan ini juga di-hadiri oleh Dato' lembaga suku yang menerima.

ISTIADAT PEMILIHAN PENGHULU LUAK sambongan muka surat 5

Apa bila telah siap sedia semuanya Dato' Lembaga yang sabelas ,ia itu Dato' Sri amar Menteri,Dato' Maharaja Setia,Dato' Setia Penghulu, Dato' Komo,Dato' Setia Raja,Dato'Setia Pahlawan,Dato' Sri-Pahlawan,Dato' Jengkaya,Dato' Setia Raja,Dato' Besar, dan Dato'Sura Undian pun di-jalan kan,sama ada undi sulit atau angkat tangan siapa yang berjaya akan di-jemput oleh Dato' Maharaja Setia besertta Soko kaistiadat mandi manda dan berbodak limau dan bersalin pakaian salengkapnya dengan pakaian melayu bersamping yang berlainan seluar baju berbengkong dan juga berdastar.

Satelah siap bersalin pakaian Dato' Maharaja Setia beserta soko mengiringkan balek ka-Balai Bakal tadi hingga kapekarangan,di-sambut pula oleh Dato' Sri Amar menteri di-tangga,lamat lapan das pun di lepaskan Dato' Sri amar menteri terus meminpin Bakal hingga kaan - jung, di-sambut pula oleh Pemangku Dato' Lela Raja serta di-persilakan dudok di-atas tilam pandak, Pemangku duduk sabelah kanan Sri Amar menteri duduk di-sabelah kiri,Dato' Maharaja Setia duduk disa bawah Pemangku,di-ikuti oleh Dato' Dato' Lembaga ,anak buah waris, soko dan sidang hadirin.

ISTIADAT PERLANTIKAN

Dato' Sri Amar Menteri menjalankan istiadat lebeh dahulu menyorong kan Tepak sireh kapada Pemangku Dato' Lela Raja,telah pemangku makan sireh Dato' Sri Amar menteri membayar adat Bakal Penghulu kapa Pemangku yang sabahara $14.2o sa-lepas menerima adat itu,Dato' Pe mangku bersabda dengan di-mulai BISMILLAHIRAHMANIRAHIN,dengan nama Allah kami menjunjungkan Pesaka Dato' Penghulu Luak Jempol yangber gelar Dato' Lela Putra Setiawan kapada sianu sebut namanya.
Salepas itu Dato' yang baharu akan bersabda mengangkat sumpah bagi menjunjung Pesaka tersebut,serta terima kasehnya kapada Dato' Dato Lembaga yang memileh dan waris dan soko sakalian.

Istiadat menyembah.

Selesai sahaja sabda sumpah menjunjung Pesaka istiadat menyembah , pun di-jalankan di-dahului oleh Dato' Lela Raja di-ikuti oleh Datuk Sri Amar Menteri,Dato' Maharaja Setia,Dato' Paduka Tuan,Dato Shahbandar,Buapak Maharaja Gerang dan soko, salepas istiadat me - nyembah ,Tunku Penyelia Adat Luak Tanah mengandong akan memberikan titahnya bagi pehak D.Y.M.Mulia Yang Di-Pertuan, Doa Selamat di-ba cakan oleh Alfadzil Tuan Khadzi Daerah Jempol,

Istiadat menghantar pulang kabalai

Sabaik sahaja selesai jamuan istiadat pulang Dato' Penghulu Luak pula ka-Balainya, di-iringi oleh Dato' Dato' Lembaga,Buapak Besar Waris dan soko dan anak anak buah sakalian Dato' yang baharu tadi akan di-yungkan oleh soko hingga kapekarangan Balai,dan di-tabur beras kunyit oleh ibu nya atau kakak atau adek perempuan, di-Balai juga akan di-beri jamuan dan bersurai.

ISTIADAT KERJAN PENGHULU LUAK.

Salepas beberapa bulan menyandang pesaka dan telah di-bayar poli-tikal Elaun oleh kerajaan maka istiadat Kerjan (kalau tuanku . .) menabal) pula wajib di-buat, J/Kuasa adat istiadat Luak akan me-ngadakan masyuarat menetapkan satu hari yang sesuai, maka Lemba a dua belas akan mengebahkan kapada anak buah masing masing terutama nya dari suku Biduanda pasak berhimpun pada hari tersebut, di-jemput juga orang orang besar, orang kenamaan pegawai kerajaan .

Alat kebesaran hendaklah di-pasang atas balai dan di-bawah.

1. Atas Balai
  a) Dalam sampaian kain di-tiang tengah dan sudut tiang,
     Tabir langit dan tabir lingkong, tiang tengah luar dalam dipalut
  b) Luar (atau di-serambi) dengan kain puteh hitam
     Sampaian kain tiap sudut tiang,
     Tabir lingkong menutupi semua serambi,
     Tabir langit di-anjung dan di-pangkal.
     dianjung juga di-sang gunong berangkat, dan bantar godang,
     tilam pandak dua buah beralaskan tikar berompok,
     tikar berompok di-kiri kanan.

2. Alat kebesaran di-bawah
  a) dihujung halaman di-pasang panji panji (bendera) 3 pasang,
     di-tengah tengah warna hitam puteh rencong tajam kaatas,
     di sabelah kana. bendera kain puteh empat segi,
     di sabelah kiri berwarna hitam, di-tengah tiga bendera dipasang payong,
  b) Di-sabelah kiri halaman di-sang pula alat kebesaran,
     Tombak berambu,
     Pedang.
     Payung,
     Ular ular,
     tonggol

Sabelom istiadat di jalankan Y.Mulia Dato' Maharaja Setia Menjemput Kabawah Kaul menjalankan perarakan dari Balai Tempasan di-iringi oleh Pegawai 49 Buapak Buapak, Soko, Waris serta orang ramai, hingga kapekarangan Balai di-sambut oleh Dato' Sri Amar Menteri di-pinpin ka-anjung Bala didudukan di-dudukan di-tilam pandak beserta Datin.

Atur cara mengambil tempat dengan menjemput Baif kenamaan beserta orang ramai Waris dan soko serta Dato' Lembaga/di-bawah Dato' Penghulu kiri kanan anjung di-ikuti oleh orang ramai.

Apa bila siap sedia semua nya istiadat membayar adat di-lakukan oleh Y.Mulia Dato' Sri Amar Menteri kapada Y.Mulia Dato' lela Raja kaadaan yang sama saperti lantikan dahulu.

ISTIADAT MENYEMBAH

Istiadat menyembah mulai di-jalankan di-dahului oleh Dato' Lela Raja di-ikuti oleh Dato' Sri Amar Menteri dengan sembah tiga lalu satu , surut dari pangkal hingga berhampiran dengan Ka-Bawah Kaul; lepas Lembaga yang sapuluh pula menyembah/mengadap sembah bernama lima lalu tiga surut, semasa istiadat ini di-jalankan lamat di-lepaskan tiga minit katiga minit sahingga habis Lembaga dua belas menyembah,

Kata adat;

Istina berlingkongan berayen kaki,
Penghulu berbalai bercucuran atap,
Lembaga berteratak bertemarongan.

SABDA KA-BAWAH KAUL.

Selesai istiadat menyembah Lembaga dua belas Ka-Bawah Kaul akan memberikan ucapan sabda dengan mengaku taat setia Kabawah Duli yang Di-Pertuan Basar-N.Sembilan ,akan bekerja sama dengan Dato' Dato' Lembaga dan meminta juga Dato' Lembaga bekerja sama dengan nya demi memelihara adat yang terusa ter pekai serta menasihatkan anak anak buah sakalian.

Lepas itu To Batin Dato' Paduka Tuan Dato' Shabandar,Buapak Buapak,Besar Be sar Besar Pesaka,Soko tua Waris wakil wakil kaum serta orang ramai,akan ber salaman pula dengan Dato' Penghulu dan Datinnya.

Doa selamat di-bacakan oleh Tuan Khadzi Daerah, jamuan makan tengah hari, dan bersurai.

ISTIADAT MENGKEBUMIAN PENGHULU LUAK.

Jika kematian Dato' Penghulu luak hendak juga mendirikan adat hendaklah ju ga memasang alat kebesaran sama saperti di-masa kerjannya,di-tambah pasang-pasang tabir langit langit di-bawah tempat membuat sendok sendok di-letakan bekas sireh di-dalam pantar sireh yang tersusun,dan tabir langit langit di-makam juga hendak juga di-pasang.

Osongan juga dengan batang pinang berkupas berbalut dengan kain puteh dan , hitam,masa hendak berarak ka-kubur Dato' Lela Raja akan memayungkan dengan naik di-atas osongan itu,lamat akan di-lepaskan 8 das.
ia mempunyai membayar adat juga yang di-bungkus dengan daun dedap kapada yang bergekar bernama banyaknya sama saperti Dato' Lembaga.

ADAT BERCERAI

Kata hukum pertemuan tanah terbaris adalah dengan kehendak Allah,jika ada pertemuan maka jadilah perkahwinan,kata orang singkat pertemuan terjadi ju pemceraian, sabelom bercerai orang dulu dulu kalau posok atap di-sisit da-hulu,jika roboh pagaran di-betolkan dahulu apa juga yang ta' kena di-perba ikan nya dahulu telah semuanya di-perbaiki maka sisuami yang hendak berce-rai tidak akan menceritakan pada isterinya hajat nya itu,satu hari ia pun pergilah mengumpulkan tempat semendanya dan di-buatlah kenduri ala kadar -apa bila sudah makan dan sudah berbual bual maka di-panggillah olehsisuami tadi isterinya keluar berhadapan dengan tempat semenda pada hari nang sari ni menjemput Pa'ngah Pa' lung Pa' usu kalau saya datang dulu berunding ma-saya pergi pun bagitu juga lah dengan kehendak tuhan pertemuan saya si-Mi-nah (misalnya nama Minah) nampaknya telah di-tentukan Allah habis,makasaya hendak meletakan lah balek pada pa'lung pa'ngah Pa' Usu peliharalah dia ba ik baik dengan saya jatohkan tolah satu, isterinya tadi tentulah akan mera ong menangis kerana selama ini suaminya itu tidak pernah menunjukan muka -yang masam walau si-isteri itu tahu dia telah membuat kesalahan yang tidak di-maafkan menjadikan suaminya mengambil keputusan akan berceraim sitempat tentu terperanjat orang semendanya mengenai keputusan bagitu,mereka akan-mendesak aminah apa kesalahan yang di-buatnya, lepas itu sitempat semenda akan menasihatlah dua belah pehak supaya berbaik samula, kalau menerima a kal suami isteri mereka akan rujuk samula atau pun pehak isteri menjemput dengan membawa buah tangan wajek (Boko) di-hantar oleh saudara maranya si-isteri menyembah mengaku salah dan tidak akan berulang lagi, baleklah sisu mi dengan harapan masa depan yang cerah.

Sikiranya suami tadi tidak dapat memafkan kerana isterinya itu membuat ke-salahan yang besar berkata benarnya ia satakat ini lah sahaja pertemuan kita dengan rangkain kata;

Hidup berperuntongan,
mati hukom allah,
kaseh berpetemuan,
seorang berageh,
seorang memberi,
carian bagi,
dapatan tinggal,

Pembawa kembali,
kata habis cerai,
Yang pergi laki orang,
yang tinggal bini orang

bermaana kalau ada carian [illegible] hendaklah dibagi,harta dapatan harta isteri hendaklah di-tinggalkan, kalau ada harta pembawa sisuami tadi hendaklah di serahkan semula pada suami ,tempat semenda itu lah yang membagikannya,tida ada yang untong dan tidak ada yang rugi.

KATA KATA PENDAHULUAN DARI PENGARANG

Orang yang berjiwa besar itu sahajalah yang ingin mengetahui sejarah, nya sejarah dato' neneknya sejarah keturunannya, saya telah rata rata mencari beberapa buku yang lengkap berkagaan persejarahan Luak Jempol, dan Adat Perpateh yang di-anutinya baik dari karangan orang tua atau pun orang di-wasa kini oleh penduduk di-sini, kerana orang tempatan sahaja yang benar mengetahui, tetapi sayang tidak sabuah buku pun yang di-jumpai.

Tiap tiap makhluk tuhan baik Haiwan apa lagi manusia mempunyai Sejarah dan adat resam yang tersendiri, kata orang tua tua 'Lain lubuk lain ikan lain padang lain belalang' jadi di-tempat kita ini mempunyai adat yangsatu kata peri bahasa' Adat satu Pesaka Datar'

Geduk hulu di-hulukan,
Gaduh hihir di-hilirkan,
gaduh ditengah di-himpuni,
kabukit sama didaki,
kalurah sama di-turuni,
cicir sama rugi,
dapat sama laba,
saaib sahina samalu sasopan.

Adat initelah di-susun oleh nenek moyang dahulu, yang tidak pernah di-bukukan, kerana di-wasa itu manusia bèlom mengenal huruf, timbullah peribahasa lagi, adat adalah tersiraj , bukan tersurat, pada pendapat saya bukan lah tidak boleh di-suratkan, tetapi ialah tidak boleh menulis dan membaca maka tersiratlah peraturan adat adat istiadat, kata kata adat yang yunek itu di-kepala orang orang tua tua yang pencinta adat, mana yang tidak mempunyai minat tinggallah ia dalam kegelapan, di-zamen serba kemajuan atau di-zaman sain dan teknoloji ini, penghijrahan pendudu ka-bandar bandar terutamanya yang mempunyai Ekadamek bekerja baik sabagai menteri, pegawai pegawai kerajaan atau pekerja pekerja, maupun sabagai peneruka di-FELDA, FELCRA dan lain, tidak lagi berminat duduk di-kampung maka langsung tidak memahami adat resam itu, yang ini lah menjadi kebimbangan kapada pencinta, adat hanya tinggal beberapa kerat orang tua yang memahami adat ini ,itu pun saorang demi saorang meninggalkan kita, apa akan terjadi kapada jenerasi akan datang, maka di-sini lah timbulnya keinginan saya membukukan Sejarah saya telah menemui beberapa orang tua tua yang maseh ada dan mencungkil mutiara yang terpendam ini dan mencatatkan nya dari masa kamasa beberapa lama dan saya kutib juga dari berbagai sumber ,dari buku buku karangan orang yang ternama, dari kertas kertas kerja seminar seminar dari a khbar akhbar harian dan lain lain lagi seperti rujukan yang saya nyatakan di-hujung buku ini, maka menjadilah ia sabuah buku yang kecil, saya tidak mengaku Sejarah dan adat istiadat ini kebenaran mutlak dan lengkap, tetapi di-masa ini taada rotan bergunalah akar, sehingga timbulnya pengarang pengarang berpengalaman buleh lah juga di-baca dan menjadi rujukan, terutamanya kapada ketua ketua adat yang timbul sebarang masalah, seterusnya kapada jenerasi akan datang , dengan karangan yang rengkas, ayat yang

tidak tersusun dan perkataan yang sesuai lagi di-masa sekarang, saya menuntut maaf, di-sudahi Wabillahi taufekwalhidayah asalamualaiko warahmatullahi taala wabarakatuh.

Dari pengarang.

SUSUNAN PENTADBIRAN LUAK JEMPOL. (1) **TUGAS PENGHULU LUAK)**

Susunan pendatbiran luak Jempol ini,di-ketuai oleh Penghulu Luak yang bergelar Dato' Lela Putra Setiawan,Luak ini mengandungi 12 suku ,maka sukuini diketuai oleh saorang Lembaga yang disebut berlingkongan,lingkongan ini pu la mengandungi beberapa perut maksudnya berpuak puak , Perut ini di-ketua oleh saorang Buapak,saorang Soko bagi pehak perempuan, di-bantu pula oleh-beberapa ramai Tua Waris yang di-letakan tiap tiap kampung ,kalau ramai a nak buahnya yang bermastautin beberapa kampung ,maka ramailah tua Warisitu di-lantek gunanya untok menyenangkan mentadbirkan satu satu kampung tersebut yang mana mereka ini di-pileh oleh anak buah, di-damping itu juga mempunyai saorang Besar Waris atau Pegawai 99 yang di-lantek oleh Raja.

Luak ini mempunyai kabinet juga jika di-bandingkan dengan pemeretahan seka rang yang di-pileh daripada Dato' Dato8 Lembaga ,saorang Pengerusi di-sandang oleh Kabawah Kaul Penghulu Luak,saorang Setiausaha yang kohurmat sa - orang Bendahari dan Jawatan Kuasa nya semua Dato' Dato' lembaga,di-samping itu mempunyai Jawatan Kuasa Adat Istiadat yang dianggotai juga oleh Dato' Dato' Lembaga,J/Kuasa adat Istiadat ini tugasnya,ia lah untok menyelesai, segala adat istiadat yang timbul di-dalam luak ini,seperti menyelesaikan Lantek Lantekan Ketua Adat Dato' Penghulu Luak keputusan undian Penghulu Luak itu akan di-bincangkan lebeh dahlu ,atau disahkan lebeh dahulu oleh J/Kuasa Adat Istiadat, juga pemilehan Dato' Lembaga tidak dapat kebulatan Buapak J/Kuasa adat istiadat lah yang memutuskan nya,sunggoh pun di-masa, yang lampau di-bulatkan dengan pilehan anak buah, samenjak nya pertukaran Penghulu Luak yang baharu Dato' Hj:Mohd Hashim bin Abdullah telah membuat pembaharuan ba'kata adat ;sakali ayer bah sakali pasir berubah; dengan tu juan menyenangkan pentadbiran dan dan menenangkan anak buah,tetapi tidak-mencampuri pemilehan buapak,soko,tua waris juga Besar Pesaka.

Bagitu juga Jawatan Kuasa Dato' Dgto' lembaga akan mempunyai tugas yang, tertentu mengadakan masyuarat sadapat dapatnya tiga bulan sakali,kadang , lebeh kerap lagi kalau ada sabarang masaalah timbul terutamanya pengaduan Buapak anak buah kapada Lembaga ,membuat perubahan dalam adat istiadat sa Adat mas kahwin serta yang bersangkut paut dengan nya,perubahan ini telah di-buat dua kali samenjak tahun 1976 dan sakali lagi dalam tahun 1987, selain dari tugas , selain dari itu kepentingan Dato' Dato' ketua adat, Penghulu Luak mengawas dan menasihat supaya Dato' Dato' lembaga menjalan tugasnya adat dengan sempurna, juga menyelesaikan sabarang masaalah yang tidak dapat di-selesaikan oleh Dato' Lembaga termasok juga perkara tanah adat.

2. TUGAS DATOK LEMBAGA.

Datok Lembaga juga mempunyai tugas yang berat ;

1. Yang paling pokok menyelesaikan masaalah tanah pusaka adat kerana mempunyai peruntukan kuasa yang luas oleh adat dan kerajaan,telah membari kuasa dalam enakmen Tanah Pusaka Adat cap 215;
   (a) Seksen 7 (1V) Enakmen dengan jelasnya menyatakan tiada apa apa kepentingan atas Tanah Pusaka Adat boleh di-pindah milek,di-gagar atau , di-sewakan,melainkan mendapat kebenaran dari Dato' Lembaga suku yang berkenaan,
   Sabarang masalah atau perselisehan/tanah anak buah di-atas tanah adatini misti di-selesaikan oleh Dato' Lembaga,sabelom berbicaraan tukar nama di-Pejabat tanah Dato' Lembaga yang berkenaan mistilah menyelesaikan lebeh dahulu kapada siapa yang berhak menerimanya,sakiranya dua belah berdegil Dato' Lembaga berhak membagikan kapada yang berhak mengikut peraturan adat, satu perkara lagi jika tanah ini menjadi tanah terbiar pehak kerajaan ingin memajukan nya tetapi tuan tanah berdegil tidak ma hu menerima Dato' Lembaga berhak menasihatkannya kerana adalah faedah nya juga jika ia anggan juga pehak Lembaga mempunyai kuasa membenar kannya tanah ini di-majukan.

ini telah di-putuskan dalam masyuarat Dato' Dato' Penghulu Luak dan Datok Lembaganya dengan Pegawai Pegawai Kerajaan yang berkenaan di-Pejabat Daerah Kuala Pilah dalam pengah tahun 1989.

3. __Menyelesaikan adat istiadat [illegible]__
Menyelesaikan sabarang berkenaan adat istiadat yang tidak di-selesaikan oleh Buapak Soko dan tua Waris, saperti istiadat mas kahwin, berkadim (masok suku) menyelesaikan pergaduhan suami isteri, carian bagi dapatan tinggal pembawa kembali, plesit dua sakampung, sabatang anau dua sigai, nikah sawaris.

4. Melesaikan juga hal hal masyarakat sakampung walau pun berlainan suku.

5. Memberi kerjasama dengan J/Kuasa Masjed /Surau,
6. Kerjasama dengan Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.
7. Bekersama dengan badan/badanjikan di-kampung kampung,
8. Bekerjasama dengan Sekolah sekolah Ugama dan kebangsaan

1. Menyusun masyarakat anak buah dengan selalu di-bawa berunding, ketua ketua adat suku itu saperti Buapak Buapak, Soko soko , Besar besar Pesaka dan tua waris/menasihatkan, supaya mengambil berat apa juga masaalah anak buah masing masing, saperti sakit penibg, kematian, kenduri kendara nikah kahwin dan sabagainya, jika menjadi masaalah yang tidak dapat, di-selesai oleh ketua adat dalam lingkungannya itu campurilah sama, mencari jalan menyelesaikannya.
Jika timbul kekosongan ketua ketua adat umpama kematian , berhenti sendiri atau di-pecat, nasihatilah supaya di-ganti segera, supaya tugas ketua itu dapat di-sambong.

3. __Tanggong jawab Buapak , Soko dan Tua Waris.__

a) Buapak, Soko dan tua waris adalah di-tugaskan meminpin anak buah dalam Perut masing masing mereka mastilah bekerja sama sabarang aduan dan masalah yang di-sampaikan oleh anak buah sama sama lah berunding untuk mencari penyelesaian, jika mendapat kebuntuan baharulah di-sampaikan kapada Dato' Lembaga .

Sakit pening hidup mati , kenduri kendara anak buah adalah tanggong jawab juga , apa lagi nikah kahwin menjadi tanggong jawab sapenohnya yang di-tanggong.

b) __Adat bertunangan.__

Apa bila sampai masa nikah kahwin Buapak Soko dan tua warislah yang dicari lebeh daulu, misalnya jika anak Si-ahmad dengan Siminah henbertunang, risek duai datangnya dari ibu bapak kedua belahlah, sabentok cincin tanya akan diserahkan oleh pehak laki kapada pehak perempun ini adalah adat, salepas itu ibu bapa si-perempuan akan berunding lebeh dulu dengan tua waris soko dan buapak mengeluarkan cincin itu sabagai tanda rupa orang hendak meminang anaknya hendak di-terima atau tidak peminangan orang ini , apa juga keputusan di-ambil keputusan nya di-pulang kan lah kapada Buapak Tua Waris tadi, kalau di-tolak Tua Waris atau buapak akan memulangkan cincin tanya itu pada si-peminang, kalau di-terima cincin tadi di-simpen samula oleh ibu bapak si-perempuan tadi kata adat sah sakata kata kembali 'ta'sah sakata tanda kembali' pehak Buapak akan akan menyampaikan berita baik itu, satu hari yang baik di-buatlah kenduri pertunangan, anak orang biasa sabentok cincin, kalau anak orang ketua adat saperti anak Penghulu Luak 3 bentok, anak Lembaga Buapak Besar Pesaka, Soko tua waris dua bentok, cincin tanya itu di-pulangkan samula.
di-buatlah janji berapa lama hendak bertunang satahun dua tahun dan sabagainya, dengan berkata ; kita bersama sama membut janji , dalam janji di-gaduh , sampai janji di-tepati sawan gila luar janji, bererti sama sama menepati janji, tetapi jika berlaku cacat cida salah satu di-antara dua belah pehak berundinglah samula sama hendak di-lansongkan perkahwinan itu atau tidak; alah betina ganda helah laki lali loncor, bermaana jika, perempuan tidak mahu kahwin di-gandakan cincin itu, jika pehak lagi berhelah loncor sahajalah cincin itu

Satu perkara lagi jika timbul silaki laki itu hendak di-dapatkan oleh perempuan lain tetapi laki laki itu tidak suka ia maseh sayang pada , tunangan nya,janji kahwin belom sampai di-bolehkan laki laki mendapatkan tunangnya dengan membayar mas kahwin sahaja,kata adat Sesak lali laki lari rumah perempuan membawa emas 20,bagitu juga sabaleknya,sesak perempuan lari rumah laki menjemput emas 20,berkahwinan kena juga laki laki bayar adat mas kahwin sahaja.

Sampai janji di-tepati,kedua dua pehak berunding menetapkan satu hari yang baik melangsongkan perkahwinan,sabelom berlangsongnya hari perkahwinan itu kedua dua ibu bapa tadi akan membuat rundingan kecil dengan Buapak Tua Waris Soko,menetapkan hari berkampong,kata orang berkayu berakar,putus rundingan Buapak akan memerentahkan kedua ibu bapa tadi mengajak (menjemput) saudara mara ,saadat saresam,dekat rumah dekat kampung, tengok kendurinya besar kenduri ramailah di-jemput,kalau kecil kecillah mengikut kemampuan masing masing, rumah ketua ketua adat tadi hendak juga menjemput samula dengan membawa bujam berbungkus dua lapis di-wajibkan kedua dua ibu bapa itu pergi melainkan ada apa apa halangan atau tidak mempunya suami lagi,kerumah orang lain boleh lah salah saorang,jika ketua adat yang berkenduri saperti Dato' lembaga,hanya ditumpukan pada sasabuah rumah sahaja maka orang itulah pula gantinya mengajak yang lain didalam kampung itu.

sampai harinya datanglah orang yang di-jemput tadi beramai ramai,membuat kerja memasang kemah dan lain lain lagi alat kelengkapan kenduri itu,kerja kerja ini adalah diarahkan oleh Buapak di-bentu oleh soko dan tua waris,biasanya kerja ini di-buat sabelah pagi, yang di-namakan berkayu berakar,

Anggaran pukul sembilan hingga sapuluh pagi kerja kerja ini akan siap, buapak akan bersuara minta sanak saudara sakalian naik kaatas rumah,kalau ta' muat bulehlah duduk di-bawah untuk berunding, tuan rumah sakali lagi beroakap dengan buapak.menulangkan kerja kerja kahwin itu,dengan berkata kalau kita memanggil Pa Lung kalau Angah angahlah atau lainya,saya ni hendak menikahkan anak saya nama sianu dengan sianu pada sekian harinya sebut haribulan dan harinya dan sebutkan lah cara caranya siang dan malamnya bagaimana kok lauknya anak belalang itu adalah,kok bera yang sacupak tu telah di-sediakan,kok paku yang satangkai itu ada juga,yang ta' ada itu terpulang lah pada siramai ,ini adalah bermaana segala kelengkapan kendurinya itu telah di-sediakan anak belalang itu maananya saekor kerbau atau lembu ,kok paku rebong itu sayur mayurnya lah,beras sacupak itu maananya cukupkan beras itu untuk keperluan kenduri hanya cakap kiasan sahaja tanda cakap merendah diri (sabenarnya perkara ini telah di-ketahui oleh buapak) masa, rundingan kecil dahulu semua sudah diceritakan) sambungnya lagi ,maka kenduri saya ni saya serahkan lah pada pa Lung dan si-ramai.

Buapak akan menerima dan mengebahkan pada siramai dan menerangkan bagaimana kenduri itu di-buat mengikut kehendak tuan rumah, penghabisan kata,datangilah rumah ini dari hari ini hingga kalansongnya,sama sama di-buek, kalau ada sama sama makan minum kalau taada sama sama lah taadanya,kemudian beliau menetapkan satu hari menyambung kerja mana mana yang belom siap, sudah teradatlah tiap-tiap datang itu akan memberi derma alakadar yang dapat,lepas itu jamuan rengan.

Lain harinya penoh sesaklah rumah ini di-ulangngi oleh sanak saudara terutama kaum perempuan menyudah kerja kerja itu, Buapak soko dan ketua waris berganding bahu mengarahkan kerja kerja itu, tuan rumah tidak lagi mengambil peranan,kalu baik baiklah kalau buruk buruklah ia tidak akan mengambil tahu,kerja kerja ini di-lakukan oleh orang ramai dengan arahan ketua ketua adat tadi.

Di-hari langsungnya tuan rumah mengambil peranan menyambut tetamu yang datang. ini lah tanggong jawab yang paling pokok ,Dato' lembaga tidak punya peranan di hari perkahwinan ini tetapi misti hadzir, kalau tidak uzur ia di-kehendaki duduk di-hujung serambi di-atas tikar berompok,di-bawah tabir langit langit,juga bertabir lingkong, makanan nya bertudung saji,kalau Penghulu Luak JAMBAL TUNGGAL tempat makanya, Lembaga Penghulu Luak tidak di-benarkan sakali kali duduk di-bawah atau dalam kemah dan hendaklah berpakaian lengkap cara melayu.,

Kenduri nikah kahwin ini kalau anak buah itu betul betul susah, Lembaga Buapak ketua ketua adat serta orang ramai akan membantunya.

Tugas Besar Pesaka (Pegawai 99)

Tugas Besar Pesaka ia lah ka-Istana, apa bila hari hari kebesaran di-Istana mereka ini lah di-jemput oleh Yang Di-Pertuan bertugas di-Istana, tetapi walau bagaimana pun mereka boleh juga mencampuri tugas tugas di-lingkungan membantu Dato' Lembaga dan juga ketua ketua adat yang lain, mereka di-lantek oleh Yang Di-Pertuan melalui Dato' lembaga, Walau bagaimana pun dengan keizinan Dato' lembaga boleh di-pileh oleh anak buah.

BALAI PENGHULU LUAK JEMPOL
SERTING ILIR BAHAU

Tarikh 1.1.1987

Kapada:
Y.M. Dato'-Dato' Lembaga Buapak-Buapak Luak Jempol

Per, Pemashuran perubahan Adat Istiadat Mas Kahwin,
Suku 12 Luak Jempol, N.Sembilan.

Adalah di-maalomkan dan di-umumkan,kapada semua Dato'Dato' Lembaga Buapak-Buapak Besar Besar Pesaka pehak yang berkuasa Masjed Masjed dan anak -anak buah sakalian di-dalam Luak Jempol ini,satu perubahan atau ubah suai adat istiadat bertunang lanang dan maskahwin telah di-lakuan demi kebaikan Adat Istiadat kita.

Satu masyuarat pehak pehak yang terlibat yang di-pengerusikan oleh, Yg:Bhg kabawah Kaul Dato' Hj:Mohd Hashim bin Abdullah JP,PJK,Dato' Lela Putra Setiawan Penghulu Luak Jempol,yang di-adakan pada - 5.12.1986 di-Balainya Serting Ilir,telah mengambil keputusan merombak atau di-ubah suai samula adat istiadat yang teruca terpakai salama ini yang akan di-kuat kuasakan pada 1.1.1987 saperti berilku , di-bawah:-

1. Adat Pertunangan.

Sukuan	Cincin tanya	cicin pertunangan	Istiadat	Lain-lain
a) Dtk Penghulu Luak	1	3	$ 120.00	Nota =Cincin
b) Dtk Lembaga	1	2	$ 80.00	tanya dan pertu-
c) Buapak Besar-Besar Waris	1	2	$ 60.00	nangan di-pulang-
d) Anak buah Biduada Pasak	1	2	$ 120.00	kan.
e) Anak buah suku 12 termasok Waris Batin,	1	1	$ 48.00	

2. Adat perkahwinan

Sukuan	mas kahwin	Bua-pak	Soko	Men-jemput	Wali	Saksi	Mak-Koriah	Reg belanja	Jemlah
a) Dtk P.Luak	$ 48.00+14.00	$10.00	$10/	$20/	$10/	$20/	$10/	$13/	=$155.00
b) D.Lembaga	$ 42.00+ 7.20	$10.00	$10/	$20/	$10/	$20/	$10/	$13/	=$142.00
c) Buapak/besar	$ 42.00+ 3.60	$10.00	$10/	$20/	$10/	$20/	$10/	$13/	=$138.00
d) Biduanda Pask	$ 48.00	$10.00	$10/	$20/	$10/	$20/	$10/	$13/	=$141.00
e) Suku 12 terma- Waris Batin	$ 42.00	$10.00	$10/	$20/	$10/	$20/	$10/	$13/	=$135.00

Lihat muka 2/

3. Lain-lain perkara

a) Langkah dadu — sapersalinan,
b) Menyerah — saperti biasa,
c) Mendapatkan — saperti biasa,
d) Masok suku — duit $ 20.00 kenduri kambing,
e) Beranggoh — duit $ 20.00,
f) Nikah satu perut atau satu buapak tidak di-benarkan,

4. Adat menjemput

Tuanku Yang Di-Pertuan	Tepak 3 lapis kain kuning,
Undang Yang Empat	Tepak 3 lapis kain kuning,
Dato' Penghulu Luak	Tepak 2 lapis kain biasa,
Dato' Lembaga	Ipok dua lapis kain biasa,
Buapak / Besar	Ipok satu Lapis kain biasa,

Nota

Wali Hakim Adatnya $ 15.00
Ragester Nikah kalau keluarga mengambil tidak di-kenakan, apa apa bayaran atau adat.

Adat istiadat yang tidak di-rombak berjalan saperti biasa, Belanja hangus terpulang kapada kedua dua pehak laki laki dan perempuan,

Dengan pengistiharan ini adat istiadat yang di-kuatkuasakan, dalam tahun 1977 adalah terbatal.

5. Termaktub di-Balai Penghulu Luak Jempol Serting Ilir, Bahau

6. Di-akui sah oleh,

....
(Dato' Hj:Mohd Hashim bin Abdullah JP,PJK)
Dato' Lela Putra Setiawan
Penghulu Luak Jempol.

....
(Dato' Komo Hj:Duaji bin Bakar PJK)
Setiausaha Adat Istiadat
Luak Jempol.

Dato' Komo Hj: Duaji bin Bakar PJK,
Setiausaha Adat Istiadat
Luak Jempol, N. S.

Balai Penghulu Undang,
Luak Jempol,
Kampong Lonek,
Batu Kikir, N.S.

10hb. November, 1976.

Kapada:
Datuk2 Lembaga dan Buapak Luak Jempol N.S.

Per: Perubahan Adat Mahar Mas Kahwin
Suku Dua Belas Luak Jempol N.S.

Adalah dimaklomkan dan diumumkan kapada Buapak2 Besar2 dan anak2 buah persekuan yang dua belas dalam Luak Jempol N.Sembilan. Mengikut keputusan Mesyuarat Datuk2 Lembaga Dua Belas yang dipengurusi -kan oleh Y.A. Mulia Datuk Penghulu Undang Luak Jempol serta diperkenan -kan oleh D.Y.M.M. Tuanku Yang DiPertuan Besar N.Sembilan, membuat perubahan Adat Mahar Mas Kahwin anak2 buah Datuk2 Lembaga, Buapak dalam Luak Jempol ini diubah mulai pada 1hb: Januari,1977 saperti berikut:-

Suku	Mas Kahwin Lama	Mas Kahwin Baru	Pengiring Adat Lama	Pengiring Adat Baru
1. Anak Dara Biduanda Waris Berundang	$ 28.00	$ 48.00	$ 3.60	$ 10.00
Janda " "	$ 14.00	$ 24.00		
2. Anak Dara S/Biduanda	$ 28.00	$ 42.00	$ 3.60	$ 10.00
Janda "	$ 14.00	$ 21.00		
3. Anak Dara S/Y/Dua Belas	$ 28.00	$ 42.00	$ 3.60	$ 10.00
Janda " "	$ 14.00	$ 21.00		

a. Anak Datuk2 Lembaga Istiadatnya $10.00.
b. Adat Istiadat Pertunangan dan lain2 adat yang tidak dirombak adalah saperti biasa
c. Belanja hangus terpulang kapada rundingan diantara kedua Ibu Bapa dua belah pehak.

s.k.
1. Tuan Setiausaha Dewan Keadilan N.Sembilan, Seremban.
2. Penyelia Ketua Adat Kuala Pilah.
3. Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah.
4. Wakil Rakyat Kawasan Jempol.
5. Wakil Rakyat Kawasan Bahau.
6. Tuan Khadzi Kuala Pilah.
7. Tuan Khadzi Bahau.
8. Datuk Penghulu Mikim Luak Jempol.
9. Tuan Imam Luak Jempol.
10. Tuan2 Pengurus Rancangan Felda Kawasan Luak Jempol.

(signature)
....
(Y.A.M. Datuk Sulaiman b. Abdullah)
Datuk Penghulu Undang Luak Jempol

(signature)
....
(Datuk Kamma Duaji b. Bakar)
S/U.Datuk Lembaga Y/Kht.

25th Rab'l [illegible] Sindin is
sialang and deaf The
old Jampal agrees that
Dato' Kuasa the given
this Sialang Simpat!
to Pahiam [illegible]
Abbas
[illegible]

[illegible] سيالڠ ايت يڠ ادسکن [illegible]

دالم جمعة لا بولن [illegible] اد [illegible]

ول[illegible] بيت [illegible] بڤاتن [illegible] سوره [illegible]

دڠن سيالڠ [illegible] تولي [illegible] کتن 21 بولن [illegible] ملک [illegible]

کند بيت [illegible] اما [illegible] سبت دالم [illegible] ايت [illegible] بيت

[illegible] سيالڠ [illegible]

[illegible] بيت [illegible]

[illegible]

[illegible] ٢٧ [illegible] 1896

چالان (۱۳) [illegible] دفعہ [illegible] [illegible] باطن
[illegible] ۱۴ [illegible]
[illegible] دعوا

[illegible signature]

16 6 1928

D.E.O. K.P. no 115/46

قراتاليف

ر ل

بعضا ايى كونك دروفا كيت [illegible] توريك اوفيسيد [illegible]

دخى سلامتى

باشقه [illegible] محمد افندى والده باباين [illegible]

[illegible] سلامت

[illegible] مكتوب [illegible]

[illegible] تلغه محمد [illegible] باباين [illegible]

[illegible] ٢ [illegible]

[illegible] 28 [illegible] 1932

[illegible]

[illegible] ... [illegible] ... [illegible]

[illegible]

[illegible] اوله [illegible]

[illegible] اولمو [illegible]

[illegible]

[illegible] تاریخ ١٦ [illegible]

[illegible] ایله [illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

~~[illegible]~~

[illegible]

[illegible]

[illegible] ٢ [illegible]

[illegible] ایت [illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible] تاریخ [illegible]

Ingat.an

Pada 19. 8.1939	Batin Siama Layar mati
Pada. 25. 1.1940 bersama yang ada dalam Office Kundor, Nika, PanglimaRaja, Dompong, yang perempuan Bedah Bee S'iching yang asli	Batin Sudin bin Sadek di. jadi. kan Batin ganti Batin Siama Layar oleh Tengku YAM Laxmana Kahar ibni Almarhom Yang M. M. Yamtuan Antah. bersama. Dato' Penghulu Luak Jempol Abdull Wahab
27. 10 1950.	Batin Sudin bin Sadek mati
pada 24 4. 51	Batin Ibrahim b. Amin jadi Ganti di. buat oleh DYMM. yang di pertuan Besar N. S ini selepas dari pada beberapa minggu di pileh oleh D.O. polson Dato Jempol. Tengku Panglima Besar. Penghulu adat K. Pilah dan Penghulu mukim Dato Sura Talib, dan juga Beberapa orang lagi Waris Salasilah dan Waris Daerat (orang asli

/M.D. LOK P.
NO 5/47_31/

SECRETARIAT,

Seremban, 18th. July, 1940.

To Batin Sudin bin Siadik
Guntor, Ulu Jempol,
Kuala Pilah.

Ehwal di-ta'arif kan ia lah saperti surat Batin Sudin yang bertarikh pada 12 hari bulan July, 1940, peri momohon kan yang kuasa nya telah di-ambil oleh Tuan District Officer, Kuala Pilah itu telah selamat lah sampai nya dan akan di-timbang kan, hal demikian lah ada nya.

G. Jeffery
Secretary to Resident,
Negri Sembilan.

22/7/40 ترسيه دد

W/100 p—88-18-37—H 45/88

22. 7. 40 Jerima

SECRETARIAT

Seremban, 18th July, 1940

To. Batin Sudin bin Siadik
Guntor Ulu Jempol,
Kuala Pilah.

Ehwal di-ta'arif kan ia lah saperti surat Batin Sudin yang bertarikh pada 12 hari bulan July, 1940, peri momohon kan yang kuasa nya telah di-ambil oleh Tuan District Officer, Kuala Pilah itu telah selamat lah sampai nya dan akan di-timbang kan, hal demikian lah ada nya.

[signature]
Secretary to Resident,
Negri Sembilan.

8/200 D—23-12-37—K 48/32

22.7.40 Jerima

SALINAN SURAT.

LOKP.14/5/47.

Daripada Tuan Pegawai Jajahan,
Kuala Pilah.

Kapada Y.M.Dato Penghulu Luak Jempol.

(kemudian daripada puji2an)

Ehwal di-maalomkan telah timbul pertelingkahan di-antara orang2 Melayu di-Ulu Jempol berkenaan dengan mengambil buah2an daripada dusun2 atas tanah Kerajaan, dan di-dalam kawasan hutan simpan (Pelangai Forest Reserve) di-Guntor ia-itu Dusun Jala2,Dusun Punja, Dusun Kar, Dusun Sialang dan Dusun Lumut. Dalam tahun 1947 pertelingkahan ini telah berbangkit-nya ia-lah di-sebabkan Pejabat Hutan telah melelong buah2an dalam kawasan dusun2 yang tersebut di-dalam lingkongan Hutan Simpan. Perkara ini ia-lah terkhilaf; kemudian telah berbangkit pertelingkahan dengan sebab2 yang lain.

2. Pertelingkahan itu nampak-nya terbit daripada dugaan oleh satengah daripada mereka2, istimewa pula daripada Ibrahim bin Amin, yang mengaku diri-nya "Penolong Kepala Batin", mendapat kuasa penoh mengambil buah2an daripada dusun2 yang tersebut. Ini-lah nampak-nya sebab2 permohonan itu di-ulang balek yang dusun2 itu patut-lah hak daripada hutan simpan, di-ukor dan di-ishtiharkan dalam Warta Kerajaan sabagai simpanan. Permintaan2 yang saumpama ini telah pun di-perbuat sabelom perang dahulu, dan telah di-tolak oleh Tuan Resident. Tiada-lah beta nampak sebab2-nya hendak menimbangkan-nya pada masa ini.

3. Tiada-lah pernah siapa2 yang mendapat kuasa penoh bagi mengambil buah2an dalam dusun2 yang tersebut ini. Kebenaran orang bukit itu mengambil buah2an itu bukan-lah berkuasa penoh, tetapi ia-lah berkuasa saperti biasa, memakan buah2an itu berbagi2 dan bersama2 oleh semua kaum2 orang bukit yang tinggal di-kawasan itu. Ada-lah surat2 kuasa yang telah di-kurniakan kapada Batin Guntor oleh beberapa orang Pegawai Jajahan yang telah lalu ia-lah di-beri kapada-nya sabagai Ketua dan wakil bagi semua orang2 bukit yang tinggal di-Guntor, memegang kuasa bagi pehak orang bukit di-situ dan bukan-lah bagi faedah diri-nya sendiri. Ada-lah kemanjaan bagi mengambil buah2an daripada dusun2 yang tersebut yang telah di-'atiraf oleh Kerajaan dan di-ishtiharkan dalam warta Kerajaan itu ia-lah juga kemanjaan bagi "orang2 bukit yang tinggal di-Ulu Jempol": kemanjaan itu ia-lah kemanjaan 'am, dan bukan-lah kemanjaan kapada Batin itu sendiri. Dalam Warta Kerajaan itu tiada tersebut Batin itu.

4. Sahabat beta sedia mengtahui yang kemanjaan ini telah di-kurniakan kapada orang2 bukit itu. Pada masa ini tiada-lah orang2 bukit yang tinggal di-Guntor, dan tiada-lah siapa2 yang berhak mendapat kuasa yang saumpama itu saperti yang telah dapat oleh orang2 bukit itu dahulu. Ada jua sadikit daripada bilangan orang2 Melayu di-Ulu Jempol yang asal-nya daripada orang bukit; mereka2 ini ia-lah sudah termasok dalam salasilah bagi suku Biduanda Waris. Ada-lah gelaran Batin itu di-sandang oleh perut ini dan Sialang Puteh-lah buapak-nya. Oleh itu beta meng'atiraf-lah sabagimana perbuatan pegawai2 yang dahulu daripada beta yang waris salasilah itu sabagai keturunan orang2 bukit, di-utamakan tuntutan-nya bagi mengambil buah2an daripada dusun2 ini. Sebab2 ini pun telah di-'atiraf juga oleh Tuan Pegawai Hutan Kuala Pilah(D.F.O.) yang telah mengeluarkan tiap2 tahun kebenaran dengan perchuma kapada Batin bagi pehak orang2 bukit. Tetapi bukan-lah terkhas kapada siapa2, sama ada Batin itu sendiri atau pun lain2 orang daripada waris itu ada berkuasa penoh dalam perkara ini. Jika waris yang tersebut itu boleh mengambil buah2an dengan mufakatan antara mereka2 itu, peratoran yang sedia

..a. Barangkali mustahak di-ganti kuasa mengambil buah2an tiap2 tahun dengan jalan lelong, dan hasil juala" lelong itu di-bayarkan kapada waris itu. Terang terbentang yang peratoran ini akan mendatangkan kerugian kapada waris itu.

5. Saperkara lagi berlaku ia-lah tidak beberapa minggu dahulu sahabat beta telah memberikan sapuchok surat kapada beta yang di-tanda tangani oleh Batin Sudin, dan sembilan orang oleh waris itu, menyatakan yang Batin Sudin itu dengan sukachita-nya meletakkan gelaran-nya, dan Ibrahim bin Amin telah di-lantek sabagai ganti-nya Batin itu dengan kebulatan. Beta telah mendapat ketahui yang Ibrahim bin Amin ini telah kena hukom dalam Mahkamah atas satu kesalahan yang amat berat sabelom perang dahulu. Jika bagitu hal-nya ada-lah perkara lantekan Ibrahim bin Amin sabagai Batin itu ia-lah bersalahan dengan adat, dan beta tidak-lah upaya hendak meng'atiraf-nya lantekan itu. Jika Batin Sudin suka hendak meletakkan gelaran-nya, waris itu misti-lah melantek sa-orang yang lebeh layak bagi menggantikan-nya (Batin Sudin) hal demikian-lah ada-nya.

12.2.49.

Sd.Lokman
(bagi pehak)
Pegawai Jajahan,
Kuala Pilah.

Terima 10.4.49

(4) دالم سلوقن 47 . 112

قوليه الحق
ص ٢١١

کتيک ليغ ابراهيم سوڠ امڤيڠ، بڤا دان ستو
سهبسي اين دالم اولو جمعة الله دڠن سمبهيڠ ..
ايدل فطري سکن بيد کتاڤ دڠن لنتيقن
باڤيڽ کنفتي سبلوم ايقتله دان ستوچوک کند
ايغ ابراهيم اين، مک ايتله مسالح دان تيهاکن مک
اوله کراني باڤيڽ سوده سوڠ سياڤ ايتولايه اولاکن
بهوا ستياڤ ابن ايت جوالله ولنتيق منادي باڤيڽ
کنفتي اين اداله - مک جک اين عزوز بوليه هکنجاي
باڤڽ اين دان براه اوله سباڤ بوده فيکرکن فانڤه دڠن
فرستو جوا انق بڠاله - مال دان مکينله دان سمڤن
سداه دڠن سلام جوا اداي .

تردقليسمي ولسات هممکف سبايڽ
فد 15 هاريبولن ... 1947

Salinan Surat

Z A/M D.L.O.K.P.5/47-31

Pejabat Jajahan
Kuala Pilah
24. April 1951.

To'Sialang Puteh
Zainal bin Maali
Guntur Ulu Jempol
P.O. Rahau.

Di-Permaalom-kan berkenaan dengan Lantikan Batin Ulu Jempol, pekara ini sudah lah ditimbang-kan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Yang di-Peryuan Besar pada 14.4.51 dengan berunding dengan Deto'Penghulu Luak Jempol dan ini-lah di-beri tahu ia-itu Lantikan Ibrahim bin Amin sabagai Batin Jempol telah di-persatujui olh Duli Yang Maha Mulia.

sd. Che'Zainal, Pegawai
Daerah Kuala Pilah N.S.

Ya-Qadzia'l hajat,

Sembah ampun tuanku beribu2 ampun ter-sembah ka-bawah Duli lebu telapakan Seri Paduka Yang Maha Mulia Tuanku Abd,Rahman Yang di-Pertuan Besar Negri Sembilan yang ber-semayam di-atas Takhta Singgahsana Kerajaan di-Istana Seri Menanti Kuala Pilah Negri Sembilan Daru'l-Khusus

Sembah ampun Tuanku ada-lah Patek Pachal yang hina Batin Ibrahim bin Amin Batin Guntur Ulu Jempol Merafa'kan Sembah ka-bawah Duli Lebu Telapakan Seri Paduka Yang Maha Mulia Tuanku.

Ampun Tuanku ada-lah Patek Pachal Yang tersebut ber-Pusaka-kan Batin Guntur Ulu Jempol bagi hak Waris Salasilah Yang asal ber-asal turun temurun dari Bukit Salai ka-Pasir Besar dari Pasir Besar ka-Ulu Jempol Nenek Moyang Patek itu bernama Batin Nenek Moyang Pak Sedom Durai dengan anak2 saudara-nya apabila dia sampai ka-Ulu Jempol dia Menuruka buat Negri di-Ulu Jempolserta ber-chuchok tanam semasa itu belum lagi ada orang di-Ulu Jempol dan Jempol belum ber-nama Jempol ia-itu Jempol ber-nama Danau Rasau dan Nenek Moyang Patek ini lah yang mula2 menuruka di-Ulu Jempol kemudian dari pada itu apa bila mati Nenek Moyang Patek Batin NenekMoyang Pak Sedom Durai di-ganti-kan oleh anak saudara nya Nenek Patek Batin Sepeh dan apa bila Nenek Patek Batin Sepeh mati di-ganti-kan oleh anak saudara nya Moyang Patek Batin Rendang dan apa bila Moyang Patek Batin Rendang mati di-ganti kan oleh anak saudara nya Datok Aki Patek Batin Tengah bin Pawang dan apa bila Datok Aki Patek Batin Tengah bin Pawang mati di-ganti-kan oleh adik-nya Datok Aki Patik Batin Layar bin Temonggong dan apa bila Datok Aki Patek Batin Layar bin Temonggong mati di-ganti kan pula oleh adik saudara nya bapak saudara Patek Batin Sudin bin Sa-dek dan apa bila bapa saudara Patek Batin Sudin bin Sadek mati maka Patek Batin Ibrahim bin Amin jadi ganti nya dengan kebulatan Sokopusaka Waris Salasilah ber-nama Dato'Sialang Puteh serta dengan timbangan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Yang di-Pertuan Besar pada 14 . 4 .1951, dengan berunding dengan Dato' Penghulu Luak Jempol yang Patek sabagai Batin Jempol telah di-persatujui oleh Duli Yang Maha Mulia.

Ampun tuanku sembah Patek harap di-ampon ada-lah Patek yang ber-pusaka kan Batin itu ia-lah pusaka Batin Salasilah yang turun temurun dari Batin Mahagalang,maka semasa moyang Patek Batin Rendang telah jadi per-telingkahan diantara Waris Pahang nama Abdullah Kanchil dengan Waris Negri Sembilan ia,itu Abdullah Kanchil mengaku sempadan Pahang dengan Negri Sembilan di-Jelebu Bukit Peregai di-Jempol Batu Ampat di-Muar Jeram Pading pekara itu oleh Yang Mulia Dato'Undang Johol di-pinta keterangan kapada Waris yang beterombo di-Muar Dato'Pedana dengan Dato'Perba dan di-Johol Dato' Menteri Rangkom dengan Dato'Ginda Tan Emas Semasa itu Dato'2itu tidak dapat menerang kan di-mana2 sempadan nya itu maka oleh Yang Mulia Dato' Undang Johol di-pinta keterangan ke-pada Waris Salasilah Ulu Jempol maka oleh Moyang Patek Batin Rendang di-hantar kan nya Dato' Aki Patek Dato'Sialang Puteh Ja'au pergi kapada Dato' Johol, Perbicharaan itu di-buka oleh Yang Amat ber-Hormat Tuan Residin Martin Lester di-Sungai Looy di-atas per-bicharaan itu Dato' Aki Patek Dato' Sialang Ja'au memberi tahu ada-lah sempadan Pahang dengan Negri Sembilan ia-lah mengikut chinchang latehan Batin Mahagalang ia-itu di-Ulu Perak dengan Pahang Jawi Betaup dari situ ka-Parit Siam dari pada Parit Siam ka-Lubok Serampang dari pada Lubok Serampang ka-Batu Menonggol dari Batu Menonggol ka-Meranti Sembilan dari Meranti Sembilan ka-Bangkong Chondong dari Bangkong Chondong ka-Gunong Ledang ini lah sempadan-nya mana2 yang dapat oleh Pasang dipunyai oleh Batin Anggon Menteri mana2 yang tak dapat oleh Pasang di-punyai oleh Batin Mahagalang, maka per-bicharaan itu disampai-oleh Tuan Rasidin Martin Lester kapada Tuan Gevernor Singapura dan oleh Tuan Gevernor Singapura sempadan yang di- bagi tahu oleh Dato'Sialang Puteh Ja'au lah yang di-pakai

Ampun Tuanku Sembah Patek maka sempadan2 yang di-bagi tahu oleh Dato'Aki Patek Dato'Sialang Puteh Ja'au itu lah yang di-pakai hingga sampai sekarang ini.

Amoun Tuanku ada-lah harta pusaka nya Batin Guntor Waris Salasilah Ulu Jempol itu dahulu nya ia-lah seluroh Ulu Jempol dari [illegible]

Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol itu maka harta Pusaka nya yang ada lagi ia-itu 5 anak Sungai Dusun Durian dan buahan2 ia-itu 1, Dusun Sungai Lumut, 2, Dusun Sungai Sialang, 3, Dusun Sungai Car, 4, Dusun Sungai Penja, 5, Dusun Sungai Jalajala, dan tanah bebas di-lepan Sungai Jalajala saluas leheh kurang 50 Acar oleh sebab separoh2 Dusun2 itu telah di-bagi2 kan oleh Moyang Patek Batin Rendang kapada orang2 Bukit yang datang dari Jelebu yang di-ketuai oleh Batin Itai mati Itai ganti Batin Kesot dan mati Batin Keset ganti Batin Kundor yang sekarang kini ada dudok di- Langkap di-bawah jagaan Tuan Janggot penjaga orang2 Bukit Dusun2 nya itu, ia-itu, 1, Dusun Nenas, 2, Dusun Jenang, 3, Dusun Seberuang, 4, Dusun Semeriat, 5, Dusuh Sungai Cheregon, 6, Dusun Tutor, 7, Dusun Mentok, 8, Dusun Ulu Sungai Talan, 9, Dusun Lulus, 10, DusunBeting Sungai Talan, tetapi ini tanah Sungai Cheregon dengan Dusun2 nya tiada-lah orang Bukit itu lagi dari semenjak Perentah Jepon dahulu sampai seka-rang ter-tinggal bagitu saja.

Ampun Tuanku semasa moyang Patek Batin Rendang itu juga maka datang pula Waris Biduanda bernama Dato'Paduka Tuan Pandai dengan anak2 buah-nya menepat kepada Dato'Sialang Puteh Rompang oleh moyang Patek Batin Rendang di-bagi-nya pula Dato'Paduka Tuan Pandai tanah tempat dudok ia-itu di-Sungai Sampuolang kampong Tampin Ulu Jempol sampai sekarang keturunan itu maseh ada lagi tinggal di-situ, jadi-nya semasa Dato' Paduka Tuan Pandai ini-lah Moyang Patek Batin Rendang dengan anak2 buah-nya Waris Salasilah dengan suka hati nya menolok Ugama Islam anak beranak laki isteri masing2 dengan per-tolong-an Datok Paduka Tuan Pandai, maka dari pada itu sampai sekarang tiada-lah lagi saorang pun tidak ber-Ugama Islam bagi Waris Salasilah tetapi mana2 yang keturunan Isteri Batin Rendang bila mati Batin Rendang masa Dato' Aki Patek Batin Tengah bin Pawang ber-ansor2-lah pula dia mengikut paham orang Bukit hingga-lah sampai sekarang kini tidak-lah ada lagi yang mengikut chara Ugama Islam ha-nya ber-khatan sahaja dia suka, tetapi mana2 kuturunan Isteri Batin Sepeh semua nya maseh memelok UgamaIslam dari dahulu sampai sekarang kini.

Ampun Tuanku sembah Patek maka ada lah Isteri Moyang Patek Batin Rendang itu ber-nama Saok asal-nya orang Bukit Linggi dia dudok di-Jenibai di-nikahi oleh Moyang Patek Batin Rendang dan dan di-bawa dudok ka-Guntor Ulu Jempol di-atas tanah Pusaka Batin Waris Salasilah sampai sekarang keturunan itu ada lagi dudok di- Guntor di-atas tanah Pusaka Batin Waris Salasilah itu nama2 mereka itu yang laki2-nya nama Jonan anakChina Ahu mak-nya name Tiah anak Ensoh anak Saok dan yang Perumpuan nya yang lagi sekarang ber-nama Kombang binti Kompot mak-nya Puleh anak Ensoh anak Saok dan Johan anak China Ahu itu dia nikah dengan orang Bukit Di-Simpang Ampat Tampin N. Sembilan ber-nama Suloh binti Dagang di-bawa-nya juga dudok di-atas tanah Pusaka Batin Waris Salasilah dia dapat anak 1laki2 nama Gunyen bin Johan 2.Kulit binti Jonan 3, Kiding binti Jonah 4, Kulit binti Johan 5Longkap bintiJohan 6, Echom binti Jonan 7, Deraman bin Jonanndan anak2 Jonan ada yang sudah ber-laki ia-itu Kiding binti Jonan laki-nya Lah Heebin Inting, dan Kulit binti Jonan laki-nya nama Nyak bin Inting Lah nee bin Inting dengan Nyak bin Inting adik beradik orang Bukit dari Kelebang Jelai, dan Kombang binti Kompot ada juga anak2nya no.1 name Senah binti Ontok 2, Ujang bin Ontok 3. Ontap binti Ontok 4, Judi bin Ontok, dan Senah binti Ontok anak Kombang itu sudah ber-laki pula dengan orang Bukit dari Langkap nama Panglima Alang bin Lela dan ada juga Orang2 Bukit yang baru2 datang dari Jenibai dan ada yang dari Kelebang dan ada yang dari Langkap dia ada sekarang ini mendudoki di-atas tanah Pusaka Batin Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol itu.

Ampon Tuanku ada-lah semua mereka yang Patek sembah kan itu ia-lah orang Bukit yang dudok sebagai menompang sahaja di-atas tanah2 Pusaka Batin Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol mereka2 itu tidak-lah dia ber-hak kepada tanah2 Pusaka Patik itu atau pun kapada Dusun2Pusaka Waris Salasilah Ulu Jempol itu dan juga dia itu tidak lah juga ber-hak hendak mengeler-kan gelaran pusaka Batin Waris Salasilah Guntor Ulu & Jempolitu.

Ampun Tuanku ada-lah Pusaka Batin Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol itu serta dengan bebas di-lopan Sungai Jalajala dan 5 anak Sungai Dusun2 ia-itu Dusun Sungai Lumut, Dusun Sungai Sialang, Dusun Sungai Car, Dusun Sungai Penja dan Dusun Sungai Jalajala ia-lah

nak Waris Salasilah yang Menjadi anak buah Dato' Sialang Puteh sahaja se[illegible]a dari itu tiada lah dia bernak kepada tanah Pusaka atau Dusun2 atau Gelaran Pusaka Batin Guntor Ulu Jempol itu.

Ampon Tuanku sembah Patek ada lah Dusun Sungai Lumut itu di-buat dan di-tanam oleh Dato' Aki Patek Dato'Sialang Puteh Ja'au dengan Uwan Patek nama Lumut dengan laki nya Panglima Kechik Gantong dan Dusun Sialang di-buat dan di-tanam oleh Moyang Patek Dato'Sialang Puteh Rompang dan Dusun Sungai Car di-buat dan tanam oleh Nenek Patek Batin Sepeh dan Dusun Sungai Penja di-buat dan di-tanam oleh Moyang Patek nama Kulop Tanse di-gelar kan orang Kalimuai Dusun Sungai Jalajala di-buat dan di-tanam oleh Moyang Patek Batin Rendang dengan saudara nya Moyang Patek nama Minah,maka masa nenek moyang Patek membuat Dusun2 yang ter-sebut itu dia nya meneruka dan mendudoki di-tempat2 itu dan suka pula ber-chuchok tanam Pokok2 buah2an dan ber-pindahan2 dari satu anak sungai ka-satu anak sungai dan dari satu bukit ka-satu bukit dari satu tempat ka-satu tempat.

Ampun Tuanku semasa zaman Moyang Patek Batin Rendang oleh Yang ter-Amat Mulia Tuan Rasidin Martin Lister,Moyang Patek Batin Rendang itu hendak di-jadi kan nya Penghulu Ulu Jempol dengan berpenchen $30/= sabulan tetapi Moyang Patek Batin Rendang itu ta'mahu menjadi Penghulu Ulu Jempol oleh kerana kata nya Sungai Jempol itu Ayer-nya mengalir ka-Kuala Jempol dan di- Kuala Jempol sudah ada Dato' Penghulu Luak Jempol Waris yang sa-asal sakaturunan juga dengan dia, jadi tidak l lah patut-nya satu Luak dua Penghulu satu Negri dua Undang dan satu 'Alam dua Raja dan kerana Negri Sembilan ini sudah ada dengan atoran ia-itu 'Alam Beraja Negri ber-Undang Luak ber- Penghulu Suak Sungai Gaong Guntong Bukit Dukau Hutan Tanah ber-Batin.

Ampon Tuanku dengan hal yang demikian tetap sahaja-lah Moyang Patek Batin Rendang itu menjadi Batin Waris Salasilah hingga-nya lah sampai kapada Patek Batin Ibrahim bin Amin menjadi Batin Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol dengan ber-harta kan harta Pusaka-nya saperti yang Patek Sembah kan ya-itu Dusun Sungai Lumut,Dusun Sungai Sialang,Dusun Sungai Car, Dusun Sungai Penja,Dusun SungaiJalajala dan Tanah Bebas di-Tepan'Sungai Jalajala luas lebeh kurang 50 Acar.

Ampun Tuanku sembah Patek harap di-ampon maka di-atas harta Pusaka Patek itu; Patek pohon kan kabawah Duli Yang Maha Mulia Meistehar kan dalam warta Kerajaan kuasa yang penoh dan bebas bagi yang berhak kapada Batin Ibrahim bin Amin Waris Salasilah Guntor Ulu Jempol serta dengan Waris Salasilah yang Menjadi anak buah Dato' Sialang Puteh Ulu Jempol,demikian lah Patek Pachal yang hina ber datang sembah di-pohon kan Lempah ampun serta Al-Rahman dan Al-Rahim timbang kurnia ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku jua memakbul kan per-mohonan Patek serta Patek Pohonkan ampun beribu2ampun di-atas ka-dzaifan Patek Amin Ya-Rabu'l'Alamin.

Ada-lah Patek dengan sa-penoh2 hormat-nya Patek yang ta'at setia ka-bawah DuliYang Maha Mulia Tuanku.

sd,

Batin Ibrahim bin Amin
Batin Jempol.

Ter-maktup di- Ulu Jempol 28 .8. 56.

(1) di-salin oleh Batin Ibrahim bin Amin di-Ulu Jempol.

(2) Surat ini di-sembah -kan ka-bawah Duli Yang Maha Mulia,Al-Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhamad Shah Yang di-Pertuan Besar Negri Sembilan di-Istana Hinggap Seremban pada 4,9,1956. ber-sama dengan Datok Penghulu Luak Jempol Dato' Abdul Wahab, dan Datok Sialang Puteh,

(3) Didalam Istana 141/49.

Dari Che' Nodin bin Kohot,
di pejabat Pelindong Orang Asli
Negri Sembilan &Malaka, Seremban.

1. Pada 12 .9 . 1956. Che' Nordin bin Konot Pegawai Pelindong Orang Asli datang ka-Rumah saya Batin Ibrahim bib Amin di-kampong Pajah ada memberi tahu kapada Saya kata nya yang ia nya telah memberi Repot kapada Tuan Janggot Seremban yang manakata nya ada pun Batin Ibrahim bin Amin itu Orang Melayu Batin Yang berasal ber-keturunan kehormatan nya serupa lah dengan Batin2 yang berasal berketurunan,

2. Che'Nordin menambah kata lagi perkataan yang diatas ini ia lah satu surat dari Yang di-Pertuan Besar N.Sembilan yang di-sampaikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah kapada nya dan surat itu telah di-sampaikan nya kapada Tuan Janggot Seramban dan Che' Nodin ada bagi tahu pada Tuan Janggot Surat2 serupa ini elok lah di-simpan di- Pejabat ini.

3. Che Nordin bin Kohot memberi perentah pada saya kata nya Batin Ibrahim, boleh lah ambil Chabutan kapada anak2 Buah tiap2 sabatang semambu (Rptan Semambu dan Manau) sebanyak 2 Sin. Saya ada bagi tahu berkenaan dengan chabutan yang saumpama itu saya tidak pernah buat dan Saya tidak dapat kebenaran dari pada Dato'Nenek Moyang Saya yang dahulu dan Saya Tidak lah berani berbuat demikian. Kachauali Buah2 Durian dari pada Dusun2 Pusaka Saya itu pun Saya belum lagi ada ambil Chabutan yang sedemikian kerana anak2 buan Saya sama ada yang ber Ugama Islam atau tidak ber-Ugama Islam, semua nya orang yang paling susah (miskin).

BERKARA INI SEBAB NYA BOLEH BERLAKU IA?LAH:-

Segala2 yang di-atas ini ia-lah kemudian dari pada Saya bersama2 Dato'Jempol Abdul Wahab, Penghulu Luak Jempol, Dato' Sialang Puteh Maesin bin Ma'ali mengadap ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhom Tuanku Mohamad Shah di-Istana Hinggap Seremban pada 4. 9.1956 dengan bersurat.

Batin Ibrahim bin Amin
Batin Jempol
W/Pos P. Lebar.
N.Sembilan.

Tel. No. K.P. 36

Pejabat Hutan Daerah
Kuala Pilah

9 h.b. November, 1960

Surat Kita: DFOKP.3/49/64
Surat Tuan:

Enche Ibrahim b Amin,
Dato Batin Jempol,
Padang Lebar

Berkenaan surat Dato Batin yang bertarikh pada 10.11.60 itu selamat kita terima.

Pada menjawab-nya kita maalomkan ia-lah saperti buah2an di-dalam kawasan Dusun2 S.Sialang, S.Kar dan Penja itu boleh-lah di-benarkan mengambil-nya akan tetapi jika dusun2 yang tersebut itu tidak di-jaga dengan sampurna-nya maka terpaksa-lah di-lelong buah2an di-situ.

(Ghafar b Hassan)
Pegawai Hutan Daerah
Kuala Pilah

Surat ini membaharui surat tuan D.F.O. K.Pilah no: 19 in. D.F.O.K.P. 3/49 yang ber. tarikh pada 6.8.51.

Ibrahim b. Amin
Batin Jempol
10.11.60

Tel. No. Seremban 173

File No. Bil.(2) dlm Astana 8/62.

OFFICE OF THE PRIVATE SECRETARY TO
HIS HIGHNESS THE YANG DI-PERTUAN BESAR,
NEGRI SEMBILAN.

ڤجابة ستياءوسها سوليت،
دولي يڠمها مليا يڠدڤرتوان بسر،
نڬري سمبيلن.

Seremban, 17 hb. January, 62.

سرمبن، 13

To. Tuan Pegawai Daerah,
Kuala Pilah.

كڤد

Tuan,

Dengan hormat-nya saya ma'alomkan, bersama2 ini saya kembarkan salinan sa-puchok surat sembahan dari-pada Che'Ibrahim bin Amin, Batin Jempol, Kampong Tengkek, Padang Lebar, berkenaan dengan kemushkilan-nya atas tuntutan pembayaran chokai yang telah di-kenakan pada-nya serta juga orang2 asli yang lain2 yang tinggal di-Ulu Jempol, pembayaran chokai itu kata-nya mulai dari tahun 1959 hingga sekarang ini.

Oleh yang demikian ini-lah saya di-titahkan, bahawa berkenaan dengan hal ini oleh sebab dahu.u2-nya mereka2 ini tiada membayar chokai, dengan yang demikian sukachita sangat-lah Duli Yang Maha Mulia rayuan daripada mereka2 ini dapat di-timbangkan dengan sewajar-nya. Hal demi-kian-lah saya ma'alomkan ada-nya.

Saya ada-lah dengan hormat-nya,

Setia Usaha Sulit Duli
Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar,
Negeri Sembilan.
(Jaal bin Jaman)

Salinan kepada:
Pegawai Pelindong
Orang Asli,
Negeri Sembilan,
Seremban.

Che'Ibrahim bin Amin,
Batin Jempol,
Kampong Tengkek.

Terima pada 18. january hari khamis 1962.

Tel Kuala Pilah 6 & 7
Telegraph: DISTOFF
Ref.: Bil. (55) dlm. DOKP 13/53

PEJABAT DAERAH,
Kuala Pilah.

15hb. Ogos, 1962.

Inche' Ibrahim bin Amin,
Batin Jempol,
Kampong Tengkek,
Padang Lebar, Kuala Pilah.

Tuan,

Pr: Tanah Reserve Bagi Orang2 Asli
di-Guntor, Mukim Ulu Jempol.

Berkenaan dengan perkara di-atas dan juga perjumpaan tuan, rakan2 tuan dan wakil2 Orang Asli di-Pejabat saya pada 9hb Ogos, 1962, saya telah menjalankan siasatan tentang perkara yang tersebut di-atas.

2. Saya berpendapat dan, mengikut keputusan J/K Negeri (EXCO) yang telah bersidang di-atas perkara ini, keputusan-nya ia-lah tanah reserve ini hendak-lah di-beri khas untok Orang2 Asli yang ada sekarang di-situ. Kapada Orang2 Melayu yang berketurunan Asli, Jawatan Kuasa Negeri juga telah memutuskan untok di-timbangkan pemberian tanah2 Kerajaan yang lain pada mereka. Dengan keputusan yang tersebut maka saya tidak ada kuasa untok menimbangkan tuntutan tuan supaya tanah kawasan Orang2 Asli itu di-beri kapada tuan dan rakan2 tuan.

3. Dengan keadaan semacham ini maka tuan dan rakan2 tuan di-nasehatkan supaya berhenti mengerjakan tanah2 bagi Orang2 Asli itu. Sakira-nya tuan dan rakan2 tuan mungkir menurut nasehat ini maka tindakan yang sewajar-nya akan di-ambil oleh Kerajaan.

MYB/MJ

Bmoh Yob
(Mohd Yob bin Busu)
Pegawai Daerah,
Kuala Pilah.

Salinan kapada:

Pen. Pegawai Hal2 Orang Asli,
Negeri Sembilan,
S E R E M B A N.

PEJABAT TANAH,
KUALA PILAH

Telefon:
Kuala Pilah 06-771006
06-771007

Ruj. Tuan: –

Ruj. Kami: (43)dlm.PTK.353/[illegible]/81/15

Tarikh: 4hb.Mac, 1983.

Encik Mat Zin bin Pasih & lain-lain.
Kampong Tengkek, Padang Lebar,
P.O. Batu Kikir,
Kuala Pilah.

Tuan,

Rayuan terhadap permohonan tanah kosong Kerajaan diMukim Ulu Jempol untok Pertanian.

Merujok kapada surat rayuan tuan berhubong dengan pekara yang tersebut diatas, dukacita dimaalomkan iaitu rayuan tuan-tuan telah pun dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Jawatan Kuasa Tanah Daerah , Kuala Pilah yang bersidang pada 18hb.Feb.1983 yang lalu. Majlis Mesyuarat Jawatan Kuasa Tanah Daerah, Kuala Pilah yang bersidang telah mengambil keputusan menolak permohonan tuan-tuan.

2. Penolakkan rayuan tersebut berdasarkan alasan-alasan saperti berikut:

i).Tanah yang dipohon telah diwartakan sabagai Rizab Orang-Orang Asli. mengikut pelan yang tercatit diPejabat Ukor. Negeri Sembilan, Seremban.

ii).Untok mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku , adalah lebih baik kawasan ini disimpan.

Sekian,

'BERKHIDMAT UNTOK NEGARA',

(RAMDZAN BIN HJ.CHALI),
b.p. Pemungut Hasil Tanah,
Kuala Pilah.
-/ai.

s.k. Y.B. Tuan Hj.Khalid b.Yunus,
ADUN, Kawasan Jempol,
P.O. Batu Kikir,
Kuala Pilah.

Penghulu Mukim Ulu Jempol
P.A Padang Lebar
15hb Ogos 1963

Yang mulia Dato'Batin Ibrahim
Kampong. Tengkek Ulu Jempol

<u>Hal ehwal orang Asli Guntor</u>

Ada-lah di-maalomkan iaitu saya sangat sukachita jika dapat berjumpa dengan dato' pada hari Sabtu ini bersamaan 17hb Ogos 1963 jam 9 pagi di-balai saya di-Padang Lebar kerana merundingkan masalah orang2 asli di-kampong Guntor ini.

Oleh hal yang demikian maka saya berharap dato' tidak keberatan untok hadzir demi kepentingan orang2 asli yang tersebut.

Hal demikian-lah di-maalomkan ada-nya.

Terima kaseh

(Md Yusof Ahmad)
15/8.

17. 8. 63 Jumpa dengan Dato Penghulu di Padang Lebar

18. 8. 63 Jumpa dengan Dato Penghulu di Rumah-nya.

Tel.: Kuala Pilah 6 & 7

Telegraph: Dustors

Bil.:

PEJABAT DAERAH,

KUALA PILAH.

2hb Desember, 1963.

Dato' Batin Ibrahim,
Kampong Tengkek,
ULU JEMPOL.

Dato',

Sukachita-lah saya jika dapat Dato' hadhir di-Pejabat saya pada 5hb January, 1963, jam 11.00 pagi kerana membinchangkan sasuatu hal yang mustahak.

2. Kehadhiran Dato' sangat2 di-hargai.

Ada-lah saya,

YI/KS

(Colonel Yusof Rahman)
Tegawai Daerah,
K U A L A P I L A H.